

Jilid III
Bil. 44



Hari Rabu
13hb November, 1985

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6981]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 7028]

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 1 hingga B. 12 [Ruangan 7030]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1986 [Ruangan 7028]

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 dan P. 8 [Ruangan 7030]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J. D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P. S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, MOHD, KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (JELUTONG).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K.(Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGA (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

- Yang Berhormat TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 13hb November, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Tuan Ismail bin Arshad.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ismail bin
Arshad tidak hadir)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Tuan Mohamed Amin bin
Haji Daud.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Mohamed
Amin bin Haji Daud tidak hadir)*

RUMAH PKEN-PKEN—MUTU

3. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri
Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar terhadap banyak sungutan yang muncul dari semasa ke semasa mengenai mutu rumah yang dibina oleh PKEN-PKEN;
- (b) apakah beliau sedar terhadap sungutan-sungutan para pembeli rumah di bandar Sri Manjung, Sitiawan, Perak baru-baru ini yang menyatakan "dinding dan tiang yang retak, plaster yang lekang, lantai terazo pecah, pintu tidak boleh ditutup dan lain-lain;

(c) apakah Kementerian beliau akan menentukan (quality) kerugian yang dialami oleh para pembeli yang berkesan supaya potongan harga dapat dilakukan; dan

(d) apakah Kementerian beliau akan mengenakan denda (surcharge) terhadap pegawai-pegawai yang didapati cuai dalam menjalankan tugas-tugasnya yang mengakibatkan kerugian kepada pembeli rumah PKEN-PKEN.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa terdapat sungutan daripada pembeli atau bakal-bakal pembeli mengenai mutu beberapa buah rumah yang dibina oleh PKEN-PKEN khususnya mengenai kerosakan-kerosakan kecil yang sebenarnya tidak menjejaskan mutu rumah secara keseluruhan. Tindakan-tindakan bagi memperbaiki kerosakan-kerosakan yang diadakan itu sentiasa diambil oleh PKEN-PKEN yang berkaitan.

Saya menyedari terdapat beberapa kecacatan bagi rumah-rumah yang dibina oleh PKEN Perak di bandar Sri Manjung, Sitiawan, Perak. Kecacatan tersebut adalah bagi projek di Fasa 1E1 dan ianya berlaku di dalam proses pembinaan rumah-rumah yang berkenaan. Sekarang ini usaha-usaha memperbaikinya telah pun dijalankan, di samping itu PKEN Perak telah juga

menamatkan kontrak pemborong yang berkenaan dan menggantikannya dengan kontraktor yang lain.

PKEN-PKEN akan bertindak memperbaiki apa-apa kerosakan atau kecacatan yang wujud dan dengan itu tidak timbul soal memberi potongan harga, lebih-lebih lagi harga rumah-rumah tersebut adalah lebih rendah daripada harga pasaran. Setiap kes kerosakan akan diteliti untuk menentukan punca dan sebabnya dan pihak yang bertanggungjawab akan dikenakan tindakan sama ada di pihak kakitangan PKEN, di pihak kontraktor atau lain-lain pihak yang nyata menyebabkan kerosakan itu.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai mutu rumah yang dibina oleh PKEN-PKEN ini, saya ingin tahu siapa yang sebenarnya membina rumah-rumah PKEN-PKEN ini, adakah PKEN itu sendiri atau anak-anak syarikat PKEN.

Yang keduanya, adakah Kementerian ini sedar bahawa PKEN yang membina rumah melalui anak-anak syarikat ini tidak lagi pada masa ini menekankan kepada faktor, dengan izin, Social Service Organisation, tetapi lebih kepada Business Organisation. Jika sedar perkara ini, apakah pada masa-masa yang akan datang PKEN-PKEN ini akan memberitahu, mensyaratkan anak-anak syarikat PKEN ini supaya mementingkan kepada perkhidmatan daripada perniagaan. Terima kasih.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama jawapannya terpulanglah tentang di mana kewujudan anak-anak syarikat bagi PKEN-PKEN yang berkenaan sekiranya terdapat anak-anak syarikat PKEN sendiri, maka kemungkinan anak-anak syarikat itu yang membina rumah-rumah bagi PKEN walaupun tidak kesemua diberikan kepada anak-anak syarikat PKEN.

Perkara yang kedua, saya tidak begitu menyedari akan hakikat bahawa tujuan pembinaan itu semata-mata hendak mencari keuntungan kerana asas PKEN ditubuhkan bukan sahaja untuk menjamin bahawa PKEN-PKEN itu tidak akan mengalami kerugian, tetapi soal-soal sosial hendaklah diperhatikan juga. Dengan hal yang demikian, sekiranya ada mana-mana contoh yang khusus, yang boleh ditunjukkan oleh sesiapa sahaja, insya Allah perkara ini akan kita ambil tindakan dan inilah cara yang sebaik-baiknya bagi pihak kami untuk akhirnya menasihatkan PKEN-PKEN atau anak syarikat yang berkenaan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyedari dalam jawapannya bahawa ada terdapat mutu rumah yang tidak begitu baik. Jadi adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebab mutu rumah yang dibina oleh PKEN ini tidak begitu baik kerana dibina atas dasar sub-sub-kontrak, maknanya sampai dua kali, sudah diberi kepada satu kontraktor, kemudian disub pula lagi kepada kontraktor yang lain dan ini menyebabkan pihak-pihak yang berkenaan cuba mengambil untung yang berlebihan dan akibatnya ialah pembeli yang menjadi mangsa.

Yang kedua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan tadi bahawa tindakan akan diambil kepada pihak yang berkenaan yang tidak dapat melaksanakan rumah dengan sepatutnya. Jadi oleh kerana Yang Berhormat menyatakan sedar tadi berapa orang pegawai yang telah diambil tindakan disebabkan oleh pembinaan rumah yang tidak sebaik ini dan berapa pula pemaju-pemaju perumahan yang telah dikenakan tindakan tertentu.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama, saya mengatakan saya sedar

terdapat sungutan dari pembeli-pembeli atau bakal-bakal pembeli. Maka oleh hal yang demikian adalah tidak begitu adil kalau bagi saya hendak mengatakan bahawa rumah-rumah yang dibinakan oleh PKEN-PKEN itu mutunya tidak begitu baik tetapi sekadarkan adanya rungutan-rungutan dan rungutan-rungutan ini kalau hendak dikira nisbah jumlah rumah daripada rungutan-rungutan itu mungkin tidak begitu besar dan perkara ini telah pun kita baiki.

Tindakan-tindakan yang kita telah ambil, sepertimana yang telah saya sebut awal-awal tadi, sudah tentu kita menamatkan kontraktor-kontraktor yang berkenaan ataupun kalaupun rumah itu sudah pun tamat oleh sebab kita mempunyai ikatan dengan kontraktor-kontraktor yang berkenaan, kita tentukan rumah-rumah itu akan disempurnakan oleh kontraktor-kontraktor yang terlibat.

Bahagian soalan kedua daripada Yang Berhormat itu mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap pegawai, setakat hari ini belum ada dan sekiranya terdapat mana-mana pegawai yang menyebabkan kekurangan-kekurangan mutu pembinaan rumah-rumah tersebut, maka sudah tentu kita mempunyai cukup peraturan-peraturan, misalnya, Perintah Am Bab "D" dan sebagainya boleh kita gunakan untuk tindakan terhadap mereka itu.

Jumlah kontrakotor-kontraktor yang telah diambil tindakan, selain daripada yang saya sebutkan satu di Manjong itu, saya minta maaf tak dapat menyebut di sini, mungkin saya perlukan notis.

RUMAH AWAM KOS RENDAH— PROJEK TERGENDALA

4. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan

bilangan projek dan jumlah rumah kos rendah awam yang tergendala pelaksanaannya mengikut jadual (gendala laksana dan gendala siap). Bagaimana pula prestasi sektor swasta dalam RME sehingga ini. Apa langkah dan strategi baru untuk tingkatkan prestasi pelaksanaan dalam kedua-dua sektor. Apa matlamat rancangan Rumah Kos Rendah yang dirancang dalam RML, dan apa dasar-dasar serta strategi-strateginya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 176,500 unit rumah awam kos rendah telah disasarkan untuk sektor awam. Sasaran bagi sektor swasta pula telah ditetapkan sebanyak 90,000 unit rumah. Sehingga 30hb Jun, 1985 sebanyak 67,180 unit rumah daripada sasaran sektor awam telah dapat disiapkan. Ini merupakan sebanyak 38.1%. Bagi sektor swasta pula sehingga bulan Jun, 1985 sebanyak 52,995 unit rumah kos rendah telah diluluskan untuk pelaksanaan. Daripada jumlah ini sebanyak 18,614 unit telah pun disiapkan dan ini merupakan 20% daripada sasaran. Setakat bulan Oktober, 1985 sebanyak 15 buah projek sektor awam dengan bilangan unit sebanyak 3,209 telah tergendala dari segi pelaksanaannya. Sungguhpun pinjaman telah diluluskan, projek-projek ini agak lewat dilaksanakan mengikut jadual disebabkan berbagai masalah teknikal berhubung dengan tapak dan pengurusan projek. Walau bagaimanapun, hampir semua daripada masalah yang dihadapi oleh 3,209 unit ini telah diatasi.

Bagi sektor swasta pula mengikut rekod di Kementerian, daripada 52,995 unit kos rendah yang diluluskan untuk pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat, hanya 1,194 unit sahaja didapati tergendala dari segi

pelaksanaan. Keadaan ini adalah disebabkan oleh masalah kewangan, pengurusan dan kepakaran teknik.

Mengenai langkah-langkah dan strategi baru bagi meningkatkan lagi prestasi pelaksanaan bagi kedua-dua sektor awam dan swasta, sukacita dimaklumkan juga bahawa Kementerian telah mengemukakan beberapa cadangan strategi untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Cadangan-cadangan yang dikemukakan ini adalah didasarkan kepada beberapa isu perumahan yang telah dikenalpasti di sepanjang pelaksanaan program perumahan sehingga kini. Strategi pelaksanaan telah pun saya maklumkan di dalam Dewan ini pada 12hb November.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai angka-angka pecahan mengenai projek-projek rumah kos rendah awam yang tergendala mengikut negeri.

Puan Napsiah binti Omar: Ada, Tuan Yang di-Pertua, dan perlukah saya bacakan kerana ini ada 15 projek. Kalau perlu dibacakan, saya bacakan.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau panjang sangat tak payah dibaca, boleh beri dengan bersurat.

Puan Napsiah binti Omar: Terima kasih, saya akan beri dengan secara bertulis.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, tapak-tapak projek yang tidak sesuai itu bagaimana diatasi dengan strategi yang baru?

Yang kedua, mengapa tapak-tapak tak sesuai untuk projek-projek tersebut diluluskan?

Yang ketiga, daripada 67,000 unit yang disiapkan untuk sektor awam dan lebih daripada 18,000 yang disiapkan bagi sektor swasta, berapa peratuskah yang tidak dapat dijual dan mengangap?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, ada tiga soalan tadi.

Yang pertama, kenapa tapak tidak sesuai, apa strategi kita bila tapak tak sesuai. Kita tukar sahaja, Yang Berhormat, kalau tapak tak sesuai.

Kenapa tapak ini tak sesuai, diluluskan. Sebenarnya, bila kita meluluskan tapak-tapak itu memanglah kita luluskan, tetapi bila kajian yang terperinci dibuat, misalnya, kajian tanah dan sebagainya dan didapati tidak sesuai, maka oleh itu kita kenalah rombak semula dan membuat perancangan yang lain.

Berkenaan dengan 18,000 itu tadi berapa yang tak dijual, sebenarnya saya ada angka itu tetapi tidak bawa hari ini, jadi minta maaf sahajalah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan apakah tindakan yang telah diambil untuk meningkatkan prestasi pelaksanaan perumahan oleh sektor swasta dari segi melicinkan proses kelulusan pelan-pelan yang disampaikan oleh pihak yang berkenaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kelulusan memandangkan bahawa sentiasa berlaku aduan yang ditimbulkan oleh pihak swasta tentang kelambatan oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk meluluskan pelan-pelan itu.

Yang kedua, ialah adakah Yang Berhormat juga sedar bahawa salah satu masalah yang dialami oleh pembeli-pembeli rumah ialah berkenaan dengan projek-projek perumahan yang terbengkalai, khasnya projek perumahan yang dibina oleh pihak swasta dan apakah tindakan yang akan diambil oleh

Kementerian yang berkenaan untuk menghidupkan semula projek perumahan yang terbengkalai itu?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama tadi apakah langkah-langkah yang kita ambil untuk menolong sektor swasta di dalam mengendalikan projek-projek perumahannya, misalnya meluluskan pelan dan sebagainya. Sebenarnya, saya sedar dengan perkara ini dan telah pun membuat beberapa tinjauan dan daripada tinjauan yang saya dapati ini kadang-kadang juga tidaklah kita boleh menyalahkan pihak-pihak Kerajaan sahaja, kadang-kadang terdapat juga di mana pihak swasta tidak pula memberi layanan kepada pertanyaan-pertanyaan daripada Jabatan-jabatan Kerajaan dan mereka mengambil masa untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan ataupun melengkap maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan.

Kadang-kadang pula ada juga pihak-pihak swasta yang agak berdegil bila dikatakan kemungkinan air dan api akan dapat dalam masa 2 tahun lagi, mereka terus menjalankan projek dan bila projek itu siap, bila pihak Kerajaan ataupun agensi-agensi Kerajaan tidak dapat membekalkan air dan api oleh kerana beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan, misalnya kekurangan kemampuan ekonomi untuk mengadakannya, maka projek-projek itu tidak dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa berusaha mengadakan mesyuarat-mesyuarat ataupun mengadakan perjumpaan dengan agensi-agensi yang berkenaan supaya dapat kita mengatasi masalah-masalah ini untuk kesenangan rakyat ataupun pembeli-pembeli rumah.

Berkenaan dengan projek-projek yang terbengkalai ini, sebenarnya ini selalu saya sebutkan, kita telah

mengenalpasti sebanyak 43 projek dan daripada ini sebanyak 13 projek, 6 telah selesai dan boleh dikatakan ada 7 lagi di dalam proses untuk dipulih semula dan projek-projek yang lain itu adalah di dalam siasatan kami dan sentiasa mengadakan perhubungan, pihak Kementerian menjadi sebagai penyelar di antara pembeli, pemaju dan pihak-pihak ataupun institusi-institusi kewangan supaya dapat dijalankan projek-projek ini.

PELABURAN JEPUN DI MALAYSIA

5. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan industri-industri kepunyaan Jepun di Malaysia yang telah didirikan semenjak Dasar Pandang ke Timur dilaksanakan dan juga bilangan industri-industri Malaysia yang didirikan di Jepun. Jika imbalan industri antara Jepun dan Malaysia tidak sama iaitu berat kepada Jepun, sama ada Kerajaan akan mengubah dasar ini kepada yang lebih menguntungkan negara.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pandang ke Timur Kerajaan pada dasarnya tidak harus mempengaruhi tahap pelaburan Jepun di Malaysia. Dasar tersebut bukan digubal untuk memberi keistimewaan kepada Jepun dari segi peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Seperti yang pernah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini dan juga di beberapa forum dan seminar, Dasar Pandang ke Timur bertujuan untuk menyemaikan etika kerja yang baik di kalangan rakyat Malaysia. Dasar ini bertujuan untuk menyedarkan rakyat Malaysia tentang etika kerja, menanam semangat setia kepada syarikat, menambahkan mutu kerja, daya pengeluaran dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari segi projek-projek yang melibatkan pelaburan Jepun, sejumlah 261 buah yang melibatkan ekuiti sebanyak \$432.9 juta telah pun diluluskan dalam tempoh semenjak Dasar Pandang ke Timur dilancarkan.

Setakat yang diketahui, tidak ada syarikat Malaysia yang telah melabur di dalam syarikat perkilangan di Jepun. Dalam bidang perindustrian, dibandingkan dengan bidang perdagangan luar, pencapaian imbangan industri antara Malaysia dengan negara-negara asing termasuk Jepun tidak menjadi hasrat Kerajaan. Oleh itu sama ada Kerajaan akan mengubah Dasar Pandang ke Timur semata-mata berasaskan kepada jumlah pelaburan Jepun yang banyak di negara ini berbanding dengan pelaburan orang-orang Malaysia di Jepun tidak timbul sama sekali.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi beliau ada mengatakan Dasar Pandang ke Timur ialah untuk mempelajari sikap atau etika pekerja-pekerja di negara Jepun. Saya ingin tanya, selepas ini sejauh manakah pihak Kerajaan boleh menentukan bahawa kita adalah mendapat hasil daripada mempelajari sikap atau etika daripada cara yang dilakukan di negeri Jepun dan bolehkah beliau memberi tahu lagi cara untuk menentukan bahawa kita boleh mendapat faedah dari Dasar Pandang ke Timur.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat hendak mengukur dalam jangka pendek apakah kesan kepada dasar yang telah pun dilancarkan oleh Kerajaan ataupun konsep Dasar Pandang ke Timur yang telah pun ditaja kerana sebagaimana yang disebutkan tadi tujuan dasar ini

diutarakan ialah untuk memberikan kesedaran kepada rakyat Malaysia tentang betapa perlunya mereka mengambil contoh-contoh kerja dan amalan kerja yang baik, etika kerja yang sempurna yang dilakukan di negara Jepun dan sedikit sebanyak langkah-langkah ini telah pun diambil sama ada di dalam aspek pentadbiran Kerajaan ataupun dalam industri kerana kita telah pun menyebarkan konsep ini dan usaha-usaha diambil untuk, umpamanya mengadakan QCC ataupun Kumpulan Mutu Kerja yang telah pun dijalankan dan ditaja oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara dan dijalankan oleh beberapa badan-badan perancangan Kerajaan untuk dilaksanakan di semua peringkat pentadbiran dan usaha ini juga sekarang telah pun dijalankan di peringkat sektor swasta dalam bidang perkilangan. Jadi, pada peringkat sekarang ini adalah amat sukar untuk kita membuat penilaian sejauh mana Dasar Pandang ke Timur ini telah pun membawa kesan-kesan yang kita harapkan daripada sektor swasta yang berkenaan.

KEGELINCIRAN KERETAPI

6. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan kejadian kegelinciran landasan keretapi pada tahun ini;
- (b) jumlah kerugian tahun ini dari kejadian tersebut; dan
- (c) apakah langkah-langkah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan KTM.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan kejadian kegelinciran keretapi pada tahun ini sahaja sehingga bulan Oktober yang baru lalu ialah sebanyak 39 kejadian.

- (b) Anggaran jumlah kerugian akibat daripada kejadian kegelinciran keretapi itu ialah sebanyak \$742,448.
- (c) Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk memperbaiki perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu di antaranya ialah:
- (i) Membaharui serta memperkukuhkan landasan-landasan keretapi termasuk mengganti rel dan penggalas landasan.
 - (ii) Memberi lokomotif-lokomotif, gerabak-gerabak, koc-koc baru bagi menggantikan yang sudah lanjut usia secara berperingkat-peringkat.
 - (iii) Menghadkan kelajuan tren di bahagian-bahagian di mana landasan didapati sub-standard akibat daripada usia yang lanjut sementara ianya diperbaiki dan diperbaharui.
 - (iv) Menambahkan kadar pembaharuan landasan tahun serta meninggikan mutu penyelenggaraan dengan menggunakan jentera-jentera penyelenggara yang moden dan memberi latihan intensif kepada kakitangan operasi dan teknikal supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan dari segi produktiviti dan mutu.

Tuan Yahaya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan (c) Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi mengatakan bahawa KTM atau Kementerian ini sedang dalam

mengganti landasan yang baru ataupun dengan sleepernya sekali. Saya ingin tahu, kalau dapat Timbalan Menteri menyatakan sejauh ini ataupun setakat ini sebanyak mana perkara itu telah dilaksanakan dan kalau perkara itu hendak dibuat dalam Rancangan Malaysia Kelima, adakah dalam tahun yang pertama ataupun tahun yang kelima akhir?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, menggantikan rel dan penggalas landasan ini sudah dan sedang berjalan dan di sebelah Pantai Timur kita akan mulakan pada akhir tahun ini, insya Allah.

RANCANGAN PEMULIHAN KAMPUNG (RPK)

7. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab dan alasan yang sebenar-benarnya yang membawa kepada terhentinya bantuan kepada penduduk luar bandar melalui Rancangan-rancangan Pemulihan Kampung (RPK) oleh Kementerian ini; dan
- (b) adakah Kementerian ini menyedari bahawa masih terdapat begitu banyak lagi penduduk luar bandar yang mempunyai rumah kediaman yang terlalu uzur yang sangat-sangat memerlukan bantuan tersebut. Dan adakah Kementerian ini mempunyai cadangan untuk menimbangkan semula bagi memulihkan rancangan ini. Kalau ada bilakah akan dilaksanakan dan kalau tidak mengapa demikian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Rancangan Pemulihan Kampung

(RPK) mempunyai 3 komponen penting iaitu bantuan membaik pulih rumah, bantuan membaiki kemudahan infrastruktur dan pembangunan ekonomi melalui penubuhan industri-industri kampung dan industri kraftangan. Walaupun RPK mengandungi 3 komponen tetapi pada tahun-tahun awal pelaksanaannya kebanyakan peruntukan yang dikeluarkan kepada negeri-negeri digunakan untuk bantuan membaikpulis rumah. Negara mula mengalami kemelesetan ekonomi yang teruk pada tahun 1983. Ini secara langsung melibatkan perancangan semula terhadap perbelanjaan Kerajaan di mana projek-projek yang benar-benar mustahak dan committed sahaja diberikan peruntukan. Dalam hubungan ini RPK tidak terkecuali di mana Kementerian terpaksa mengubah haluan kepada penekanan bantuan ke arah industri kampung yang difikirkan akan lebih memberikan manfaat dan dapat dinikmati oleh ramai penduduk-penduduk kampung berkenaan dibandingkan dengan bantuan membaikpulis rumah yang menghadapi beberapa masalah dalam pelaksanaannya. Dengan demikian komponen baikpulis rumah ini terpaksa dihentikan buat sementara waktu.

Kerajaan memang sedar bahawa masih banyak lagi terdapat ramai penduduk luar bandar yang mendiami rumah-rumah yang mana keadaannya uzur dan tidak selamat diduduki. Untuk mengatasi masalah ini sukalah dinyatakan di sini Kementerian telahpun merancang dan mencadangkan agar dilaksanakan baikpulis rumah tanpa mengikut kategori kampung sama ada kampung itu tergolong dalam Kategori C, B ataupun A.

Sekiranya terdapat rumah ataupun rumah-rumah yang keadaannya sangat uzur dan penghuninya tidak berkemampuan membaikinya, maka

beliau bolehlah memohon untuk mendapat bantuan daripada skim baikpulis rumah apabila rancangan ini dilulus untuk dilaksanakan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada menyatakan bahawa pada masa ini penekanan utama bantuan RPK ialah untuk industri kampung. Saya ingin tahu adakah Kementerian ini sedar bahawa wujud perkampungannya nelayan bila kita sebut perkataan nelayan itu, biasanya orang panggil luar bandar tetapi dalam keadaan sekarang ini wujud perkampungan nelayan di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah ataupun Kerajaan Tempatan dan kebanyakan mereka yang tinggal di dalam kawasan perkampungan nelayan ini adalah mereka yang berpendapatan terlalu rendah. Sebahagian daripada mereka untuk menambahkan pendapatan, mereka terpaksa berusaha untuk mewujudkan industri kecil kampung, misalnya hendak buat keropok, jemur ikan kering—buat ikan kering dan seumpamanya. Oleh kerana kawasan ini terletak dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah, adakah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini berhasrat untuk menggubal ataupun melonggarkan syarat-syarat supaya bantuan RPK ini juga boleh disalurkan kepada perkampungan-perkampungan nelayan yang terletak di dalam kawasan pentadbiran Majlis-majlis Daerah ini.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya industri kampung penekanannya adalah kepada industri-industri yang berasaskan kepada kraftangan dan bahan-bahan tempatan. Bagaimanapun bagi mereka yang tinggal dalam kawasan-kawasan nelayan yang berhampiran dengan bandar dan mereka pula mengusahakan, misalnya, industri

keropok dan sebagainya, MARA bersedia untuk memberi bantuan ataupun pinjaman kepada mereka ini dengan kadar faedah 5½% sahaja.

KWSP—CARUMAN UNTUK MEMBELI RUMAH

8. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) amaun caruman KWSP yang telah dikeluarkan untuk tahun-tahun 1983, 1984 dan sehingga September, 1985 bagi tujuan membeli rumah berbanding jumlah caruman KWSP yang telah dikutip untuk tempoh yang sama;
- (b) jumlah bilangan pembeli rumah yang berjaya mendapatkan pengeluaran KWSP untuk tahun-tahun tersebut di atas berbanding dengan jumlah bilangan pencarum-pencarum; dan
- (c) sama ada Kementerian akan menimbang kenaikan had jumlah pengeluaran sebanyak \$20,000 untuk membolehkan golongan berpendapatan rendah membeli rumah kos rendah yang telah naik mengalami kenaikan harga, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengeluaran caruman KWSP untuk tujuan pembelian rumah berbanding dengan jumlah caruman yang diterima untuk tempoh tiga tahun, iaitu dari tahun 1983 hingga 30 September 1985 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pengeluaran	
	Jumlah Caruman	Bagi Pembelian Rumah
1983	\$2.333 juta	\$145 juta
1984	\$2.522 juta	\$191 juta
1985 (hingga bulan September)	\$2.067 juta	\$197 juta

Tuan Yang di-Pertua, bilangan ahli-ahli yang telah mengeluarkan caruman

KWSP untuk membeli rumah berbanding dengan jumlah bilangan ahli KWSP pada keseluruhannya untuk tempoh 3 tahun, iaitu dari tahun 1983 hingga bulan September 1985 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pengeluaran Bagi Pembeli Rumah	Jumlah Ahli KWSP
1983	32,268	4.3 juta
1984	39,668	4.5 juta
1985 (hingga bulan September)	41,714	4.6 juta

Untuk makluman Yang Berhormat, had jumlah pengeluaran untuk membeli rumah sedang dikaji.

KERETAPI PANTAI TIMUR—PEMBINAAN JALAN

9. Tuan Haji Nik Abd. Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Pengangkutan menerangkan sejauh mana rancangan pembinaan jalan keretapi Pantai Timur yang telah diumumkan oleh Kerajaan untuk menyambung Kelantan-Terengganu dan Pahang melalui Pantai Timur itu akan dimulai pelaksanaannya dan dalam tahun berapa pojek itu dapat diselesaikan.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, rancangan pembinaan sistem keretapi baru Pantai Timur sedang di dalam pertimbangan Kerajaan. Kajian kemungkinan untuk membina sistem keretapi baru itu telah pun selesai dijalankan oleh pakar daripada Jepun—Japan International Corporation Agency atau JICA.

Menurut kajian tersebut keutamaan sebagai Fasa Pertama ialah untuk membina landasan keretapi baru dari Pelabuhan Kelang ke Kerteh, Terengganu. Sistem keretapi baru yang dicadangkan ialah landasan bertolak standard berkembar dua hala dari Pelabuhan Kelang ke Bukit Tinggi dan seterusnya landasan tunggal hingga ke Kerteh. Sistem keretapi baru ini dicadangkan untuk menggunakan kuasa elektrik.

Memandangkan kepada kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara pada masa ini, Kerajaan belum lagi membuat keputusan bila hendak melaksanakan projek ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan oleh kerana consultant perancangan keretapi dibuat oleh JICA daripada Jepun, adakah benar sekarang ini beberapa kontraktor Jepun telah berebut-rebut melobi untuk mendapat projek tersebut. Jika benar, apakah Kerajaan menentukan supaya projek ini dibuat oleh kontraktor tempatan dan dapat ditawarkan kepada kontraktor tempatan, terutamanya diberi kepada bumiputera ataupun joint-venture dengan bumiputera.

Kedua untuk mengubah fikiran rakyat tentang projek Kerajaan ini walaupun ianya tidak melalui kawasan Pasir Puteh tetapi adakah ianya melalui kawasan Pengkalan Chepa.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah sebutkan dan di dalam Dewan ini dua hari dahulu bahawa perkara kontraktor-kontraktor luar negeri tidak timbul kerana kertas kajian belum selesai lagi. Kita di Kementerian tidak tahu hal ini kerana pertama sekali kerana Kerajaan belum membuat keputusan untuk hendak melaksanakannya.

Yang keduanya, saya sudah sebutkan tadi jalan-jalan yang akan dilalui oleh itu, dukacita dinyatakan keretapi baru itu tidak lalu di Pengkalan Chepa.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah rasional atau justifikasi peringkat pertama sistem keretapi Pantai Timur

hanya akan sampai ke Kerteh dan tidak terus ke Kuala Terengganu, sampai ke Kota Bharu. Kami orang Terengganu pun hendak tengok juga keretapi ini, sebab belum kenal keretapi.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, berapa anggaran kos projek ini nanti dan bagaimanakah punca pembiayaannya kerana kajian ini dibuat oleh JICA, pihak consultant daripada Jepun, saya mendapat faham dapat bantuan daripada Kerajaan Jepun. Adakah pelaksanaan projek ini juga akan mendapat bantuan daripada Kerajaan Jepun.

Dan yang ketiga, masalah rakyat. Berkenaan dengan alignment untuk projek ini adakah sudah ditetapkan sekarang dan adakah sudah disukat dan bagaimana berkenaan dengan kesan alignment ini terhadap rumah-rumah kediaman, rumah-rumah kedai dan bangunan-bangunan rakyat, adakah akan dibahagikan ganti rugi ataupun macam mana.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, rasional Kerajaan untuk mengadakan laluan keretapi ini ke Pantai Timur kerana kita memerlukan laluan keretapi yang kedua, kerana yang sekarang ini sepertimana Yang Berhormat sedia maklum telah lama sangat dan untuk memodenkan lagi dan dari segi komunikasi yang lebih baik maka Kerajaan telah memutuskan untuk mengadakan landasan tersebut.

Yang kedua soalan kosnya ialah anggaran awal-awal yang dibuat pada tahun 1984 ialah \$2.775 bilion tetapi bila dibuat balik semula anggaran ini bagi tahun 1985 ialah \$3.30 bilion.

Soal yang ketiga tadi masalah pampasan bagi rumah-rumah yang berada di sekitar kawasan yang terlibat tentulah Kerajaan memberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa anggaran belanjawan yang begitu besar, apakah faedah-faedah ekonomi yang dapat diperolehi daripada projek ini mengikut kajian kemungkinan yang telah dijalankan itu?

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa landasan yang akan digunakan untuk sistem yang baharu ini ialah landasan yang lebih luas daripada apa yang digunakan oleh sistem Keretapi Tanah Melayu yang ada sekarang dan memandangkan bahawa kuasa elektrik akan digunakan tidakkah ini akan bercanggah dengan sistem yang sedia ada yang menggunakan tenaga lain?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama tadi, faedah-faedah ekonominya, kajian yang terperinci dalam bidang ini masih lagi berjalan.

Yang keduanya, soalan berkenaan dengan landasan yang lebih luas tadi itu saya minta ulangkan soalan yang kedua tadi.

Dr Koh Tsu Khoon: Sebenarnya soalan saya ialah, adakah benar bahawa landasan untuk sistem baharu yang dicadangkan ini adalah lebih luas daripada yang sedia ada sekarang dan bukannya ini bercanggah dari segi penggunaan alat-alat dan sebagainya dengan sistem yang ada dan juga memandangkan bahawa sistem yang baharu ini akan menggunakan kuasa elektrik?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang pertama dari segi teknikalnya belum begitu nyata lagi tetapi mengikut kajian yang pertama itu landasannya berbeza sedikit daripada yang sekarang kerana dia menggunakan elektrik—saya rasa itu soalan Yang Berhormat tadi.

DUTI IMPORT ATAS KERETA

10. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa dengan cukai import yang rendah dikenakan kepada kereta pasang dalam negeri CKD; termasuk kereta Proton Saga, ini telah mengancam perniagaan 200 buah lebih syarikat pengimport kereta terpakai Bumiputera; apabila dikenakan cukai 164% (140% cukai import + 10% cukai jualan). Oleh itu apakah Kerajaan bercadang cukai import tersebut akan dikurangkan ke paras lama yang tidak merugikan mereka atau Kerajaan akan terus menaikkan cukai import, walaupun ianya tidak banyak menjejaskan penjualan kereta Proton Saga yang mempunyai 1300 cc dan 1500 cc sahaja.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, sukacita dinyatakan bahawa setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan atau menurunkan kadar duti import atas kereta-kereta yang belum siap dipasang ataupun Completely Knocked Down (CKD) atau kereta-kereta yang siap dipasang kerana Kerajaan berpendapat bahawa kadar duti import sekarang ini adalah memadai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, Kerajaan membezakan nilai kadar duti import antara CKD dan CBU dengan tujuan yang khusus. Pengimportan CKD akan melibatkan proses pemasangan dan pengilangan yang secara langsung meningkatkan nilai kandungan tempatan dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Di samping itu juga ingin saya memaklumkan bahawa pengimportan CBU (Completely Built Unit) hanya melibatkan kegiatan perniagaan sahaja. Oleh itu, wajarlah dibezakan nilai kadar duti import di antara kedua-dua jenis ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga saya memaklumkan bahawa kelahiran Proton Saga adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan pengusaha-pengusaha bumiputera dalam pengendalian industri kereta dan ini adalah sejajar dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, bagaimana Yang Berhormat kata tadi, dengan adanya Proton Saga, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sedar bahawa menyebabkan motokar-motokar yang harga \$6,000 ke bawah yang diimport daripada luar negeri ini terancam dan tidak laku menyebabkan syarikat-syarikat ini nyawa-nyawa ikan. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi perlindungan khas kepada motokar-motokar yang bernilai \$6,000 ke bawah misalnya supaya dapat syarikat ini bernafas sedikit dengan keadaan kemelesetan ekonomi ini terutamanya syarikat-syarikat kereta yang dimiliki oleh bumiputera?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada lagi niat Kerajaan untuk menurunkan kadar cukai khusus bagi kereta-kereta yang bernilai \$6,000 ke bawah, mereka ini terpaksa membayar cukai 140%. Asalkan kereta itu kurang daripada \$20,000, masih dikenakan 140% cukai import.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, ingin saya tahu kerana saya sendiri tidak tahu, iaitu enjin-enjin yang diimport daripada Jepun, enjin kereta Proton Saga adakah dikenakan cukai? Sekiranya dikenakan cukai, berapakah cukainya tiap-tiap sebutir enjin atau sebiji enjin.

Yang kedua, besi nipis untuk buat body Proton Saga diimport daripada Jepun berapakah cukainya sekereta atau bagaimana cara cukainya? Terima kasih.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sama ada enjin ataupun besi nipis ataupun besi tebal untuk digunakan bagi pembuatan Proton Saga tidak dicukaikan. Tetapi cukai bagi kereta-kereta yang diimport CKD (Completely Knocked Down) ialah 40%. Ini bagi kereta-kereta yang lain, bagi Proton Saga tidak ada cukai.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Bolehkah Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terutama sebab saya tidak puas hati dan yang kedua nampaknya tidak ada orang bangun (*Ketawa*). Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengatakan enjin atau besi tebal untuk dibuat kereta Proton Saga tidak dikenakan cukai. Maka langkah ini langkah menguntungkan ataupun langkah merugikan kepada negara dan Kerajaan, ini saya hendak bertanya.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, ini langkah untuk mengurangkan harga Proton Saga. (*Ketawa*)

PEKERJA INDONESIA DI BAWAH PERJANJIAN BURUH

11. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pekerja-pekerja Indonesia yang telah memasuki ke negara secara sah sejak Perjanjian ditandatangani dan juga bilangan pekerja-pekerja Indonesia yang mungkin datang ke negara-negara ini secara haram dan menyatakan sama

ada Kerajaan akan menghentikan kemasukan pekerja-pekerja ini memandangkan masa kemerosotan ekonomi dan sebilangan pekerja-pekerja kita yang menganggur.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekerja-pekerja Indonesia yang telah memasuki negara ini di bawah Perjanjian Buruh Malaysia dan Indonesia ialah seramai 784 orang.

Bilangan yang masuk secara haram tidaklah diketahui oleh kerana mereka itu masuk secara haram. Sepertimana yang telah dijelaskan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, pekerja-pekerja dari luar negeri hanya dibawa masuk sekiranya ada permohonan dari majikan-majikan yang berkenaan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Suka saya bertanya Timbalan Menteri, kenapakah bilangan yang dibawa masuk itu terlalu sedikit walhal 780 orang adalah tidak cukup untuk menampung keperluan buruh terutama sekali dalam ladang negara kita.

Yang kedua, saya selalu mendengar tentang kedatangan pendatang haram dari Indonesia ini, oleh sebab negara Indonesia adalah negara jiran kita yang paling rapat, sebagai seorang abang kepada kita, apakah tidak boleh Kerajaan, mereka yang datang secara haram itu benar-benar hendak bekerja dan sebagainya dicari jalan supaya dihalalkan.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap satu program yang dimulakan ataupun dilaksanakan semestinya menghadapi berbagai masalah dan program untuk melaksanakan Perjanjian antara Malaysia dan Indonesia untuk membenarkan kemasukan pekerja-pekerja buruh daripada negara tersebut, seharusnya menghadapi

berbagai masalah kerana ia melibatkan manusia. Walau bagaimanapun, masalah-masalah yang dihadapi di peringkat permulaannya dapat diatasi dari semasa ke semasa dan oleh sebab itulah sekarang ini bilangan mereka meningkat kepada angka yang saya sebutkan tadi. Kementerian percaya bahawa program ini akan membawa keuntungan dan akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Berkenaan soalan yang kedua tentang pendatang haram yang memasuki negara ini adakah Kerajaan boleh dengan izin menghalalkan kemasukan mereka, saya telah pun menjawab beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini Perjanjian pekerja-pekerja Indonesia tidak kena mengena dengan pendatang-pendatang haram di negara ini. Pendatang-pendatang haram diistilahkan sebagai pendatang-pendatang haram dan mereka jika ditangkap akan diusir keluar.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bukankah benar bahawa antara mereka yang dibawa masuk melalui Perjanjian ini, ada sebilangan yang sudah hilang, yang tidak habis tempoh kerja mereka hilang daripada tempat kerja dan sudah menjadi pendatang-pendatang haram, mungkin. Adakah pihak Kerajaan mempunyai angka-angka berapa orang daripada mereka yang dibawa secara sah masuk ke Malaysia sebelum tamat kerja mereka sudah hilang dan apa tindakan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mencari mereka.

Kedua, kenapa pihak Kerajaan ada angka-angka untuk semua perkara, tetapi dalam perkara angka-angka pendatang-pendatang haram Kerajaan tidak bersedia untuk sedaya upaya mendapat satu angka berapa ramai pendatang-pendatang haram khususnya pendatang-pendatang haram Indonesia ada di tanahair kita.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah terangkan tadi, dalam melaksanakan Perjanjian pengambilan buruh ini kita menghadapi berbagai masalah di peringkat awalnya dan tidak dinafikan bahawa ada beberapa orang pekerja-pekerja yang tidak sesuai yang telah dibawa masuk bekerja di ladang-ladang dan mereka telah pun melarikan diri tetapi bilangannya tidak begitu banyak dan telah pun ditangkap oleh pihak berkuasa dan diusir balik ataupun dilucutkan Perjanjian yang telah ditandatangani dan sekarang ini kita telah pun mengatasi masalah ini, sebab itulah sekarang ini angkanya meningkat kepada 784 orang.

Berkenaan dengan bilangan pendatang haram, kita semua sedia maklum kerana mereka masuk secara haram, tidak dapatlah mana-mana agensi sekalipun boleh mengira berapa banyakkah bilangan mereka yang masuk ke negara ini, bukan oleh kerana Kerajaan tidak berani memberi butir-butir bilangan mereka yang masuk.

PERLUASAN AKTA KERJA, 1955 KE SARAWAK/SABAH

12. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Buruh menyatakan mengapakah Ordinan kakitangan-kakitangan (1955) (Employees Ordinance) masih belum diperkenalkan kepada negeri-negeri Sarawak dan Sabah. Bilakah Ordinan kakitangan-kakitangan (1955) (Employees Ordinance) akan diperkenalkan kepada negeri-negeri Sarawak dan Sabah.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengadakan beberapa perbincangan secara mendalam dengan kedua-dua Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak termasuklah

mesyuarat di peringkat Menteri mengenai perluasan Akta Kerja, 1955 itu.

Kerajaan memang berhajat memperluaskan Undang-undang Buruh di bawah Akta tersebut ke Sabah dan Sarawak dengan segera. Semua tindakan-tindakan telah hampir siap diambil ke arah pencapaian matlamat ini, malangnya Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak masih mempertahankan pendapat-pendapat tertentu terhadap penyesuaian beberapa peruntukan yang terdapat dalam Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak yang selama ini menjadi amalan perburuhan di negeri-negeri itu dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Kerja, 1955 itu. Walau bagaimanapun, Akta Kerja, 1955 akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak sebaik sahaja perkara-perkara di atas dapat diselesaikan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperluaskan Employees Ordinance, 1955 ke Sarawak dan Sabah adalah satu perkara yang telah menyebabkan perasaan ketidakpuasan hati di antara golongan pekerja di Sabah dan Sarawak dan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah jawapan yang saya sudah dengar sekurang-kurangnya 5 ataupun 6 kali dalam Dewan ini setelah saya menjadi Ahli Parlimen.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini secara jelas, tertentu dan categorical apakah perbezaan yang wujud di antara pendapat-pendapat Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dengan pihak Kerajaan Persekutuan yang menghalangkan satu penyelesaian dicapai supaya Akta ini boleh dilanjutkan serta diperluaskan

ke Sarawak dan Sabah untuk menguntungkan pekerja-pekerja di kedua-dua negeri itu.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, alasan-alasan yang diberi di dalam jawapan ini bukanlah merupakan alasan yang olok-olok. Saya bersetuju bahawa masalah ini telah lama dipertakakan di Dewan ini dan telah pun banyak masalah-masalah diselesaikan dan persetujuan-persetujuan telah dicapai, tetapi masih ada beberapa masalah dan perselisihan pendapat yang perlu diselesaikan sebelum Akta itu dapat diperluaskan. Umpamanya, dalam lebih kurang 2 minggu yang lalu saya sendiri telah mempengerusikan satu mesyuarat peringkat Menteri dengan wakil daripada Kerajaan Negeri Sabah bagi membincangkan perkara-perkara yang timbul dan untuk mencari jalan bagi menyelesaikannya dan saya tidaklah dapat memberi butir-butir perbincangan itu kerana perbincangan dan usaha-usaha masih terus dijalankan. Tetapi untuk meyakinkan Ahli Yang Berhormat, bolehlah saya memberi satu dua contoh, yakni perkara-perkara yang menjadi masalah adalah merupakan perkara-perkara prinsip dan juga merupakan perkara-perkara yang berkaitan dengan tafsiran undang-undang.

Umpamanya, mengikut Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak yang berkuatkuasa pada masa ini, masing-masing di kedua negeri tersebut memberi takrif kepada perkataan 'employer', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adalah termasuk majikan-majikan swasta dan juga Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang mempunyai pekerja di Negeri Sabah dan Sarawak. Padahal di dalam Akta Kerja Tahun 1955 yang kita hendak perluaskan ke Sabah dan Sarawak, perkataan 'employer' ditakrif sebagai majikan-majikan

swasta sahaja, tidak meliputi Kerajaan sebagai majikan. Jadi, persoalan pokok di sini, sekiranya Akta Pekerjaan Tahun 1955 itu diperluaskan ke Sabah dan Sarawak dan takrifnya mungkin menimbulkan masalah. Pekerja-pekerja di Sabah dan Sarawak masih berkehendakkan takrif majikan itu meliputi Kerajaan kerana pekerja-pekerja Kerajaan juga hendak menikmati kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Akta Pekerjaan Tahun 1955 itu. Dan perkara ini telah diserahkan kepada satu jawatankuasa yang mana diwakili oleh Peguam Negara negeri-negeri yang berkenaan, Sabah dan Sarawak, dan juga pegawai-pegawai daripada Jabatan Peguam Negara Kerajaan Persekutuan untuk membincangkan dan menyelesaikan perkara ini bersama-sama dengan pegawai-pegawai yang lain.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi contoh, misalnya di bawah Ordinan Buruh Sarawak, peruntukan diberi bagi cuti am tahunan minima untuk pekerja-pekerja di Sarawak sebanyak 13 hari dalam setahun, padahal yang diberi di bawah Akta Pekerjaan Tahun 1955 hanya 10 hari sahaja. Jadi, apabila Akta ini hendak diperluaskan ke Sarawak, pekerja-pekerja di Sarawak tidak mahu menurunkan kemudahan yang dinikmati pada masa ini 13 hari kepada 10 hari. Mereka masih mahu mengekalkan 13 hari. Jadi ertinya, implikasinya di sini, sekiranya Akta ini hendak diperluaskan ke Sarawak dan mempersetujui kemudahan peruntukan 13 hari cuti am tahunan sebagaimana dinikmati oleh pekerja-pekerja di Sarawak pada masa ini, maka Akta Pekerjaan Tahun 1955 itu perlu dipinda terlebih dahulu dan perlu dibawa untuk mendapat kelulusan Parlimen ini terlebih dahulu. Inilah di antara masalah-masalah yang timbul dan ada beberapa perkara lain yang mungkin ianya dapat diselesaikan. Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini

panjang sedikit kerana saya mendapati seolah-olah Ahli Yang Berhormat itu tidak percaya adanya masalah, dan barangkali menyangka kita sengaja hendak melengahkan perluasan ini.

CUKAI TANAH YANG BELUM DIJELASKAN

13. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (i) jumlah lot di mana cukai tanahnya masih belum dijelaskan sejak wujudnya kampung-kampung baru Jinjang, Setapak dan Salak Selatan;
- (ii) jumlah cukai tanah tunggakan bagi kampung-kampung baru di Jinjang, Setapak dan Salak Selatan;
- (iii) kategori tanah yang terlibat;
- (iv) apakah sebab-sebabnya bagi kewujudan perkara ini dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil terhadap masalah ini, jika tidak ada sebarang tindakan yang diambil mengapa, jika tindakan yang telah diambil tidak berhasil mengapa; dan
- (v) apakah cadangan Menteri untuk menyelesaikan perkara yang rumit.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu lot pun tanah-tanah di Kampung Baru Jinjang, Setapak dan Salak Selatan yang langsung tidak membayar cukai tanah sejak kampung-kampung baru tersebut diwujudkan.

Walau bagaimanapun, sebanyak 880 lot daripada jumlah kesemua 5,872 lot mempunyai tunggakan cukai tanah. Cukai tanah bagi kesemua lot di kampung baru Jinjang, Setapak dan Salak Selatan adalah dianggarkan sebanyak \$318,104.50 setahun. Jumlah tunggakan cukai tanah bagi ketiga-tiga

kampung baru tersebut adalah dianggarkan sebanyak \$47,715. Tanah di kampung-kampung baru tersebut adalah terdiri daripada tanah dalam kategori bangunan kediaman dan bangunan untuk perniagaan.

Sebab-sebab terdapatnya tunggakan cukai tanah ialah sebab yang utama, Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan tidak menghantarkan notis atau surat pemberitahu kepada tuan-tuan tanah. Ini ialah kerana pendaftaran bagi tanah-tanah adalah bagi nombor-nombor lot yang berkenaan dan bukan mengikut alamat pos. Oleh hal yang demikian, alamat tuan-tuan tanah tidak disimpan dengan tepat.

Bagaimanapun, di antara tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan untuk mengutip tunggakan cukai ialah dengan cara membuat pengumuman melalui media massa Kerajaan. Kedua dengan menggunakan sistem komputer dalam kutipan cukai tanah. Sistem kutipan cukai tanah di Jabatan ini akan dikomputerkan mulai daripada tahun hadapan, tahun 1986, dimulakan dengan Mukim Ampang dan Mukim Petaling sebagai peringkat pilotnya. Dengan berjalannya sistem ini, bil cukai tanah akan dapat dihantar kepada tuan-tuan tanah pada tiap-tiap awal tahun sebagai peringatan kepada tuan-tuan tanah untuk membayar cukai mereka. Jabatan Tanah telah memberi pengakuan bahawa masalah tunggakan cukai tanah akan dapat diatasi dengan cara beransur-ansur apabila sistem komputer kutipan hasil tanah dapat berjalan sepenuhnya bagi semua Mukim di Wilayah Persekutuan ini.

Selain daripada itu, cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah tunggakan cukai ialah dengan mengadakan sistem pengesahan yang tepat melalui sistem komputer bagi mengesan dan mengenalpasti tuan-tuan tanah yang mempunyai tunggakan

cukai yang banyak. Dan kedua, dengan menyatukan pungutan-pungutan cukai yang banyak. Dan kedua, dengan menyatukan pungutan-pungutan cukai pintu dengan cukai tanah supaya tuan-tuan tanah yang biasanya menjadi juga tuan rumah akan menerima hanya satu bil bagi kedua-dua cukai. Sistem yang disatukan ini akan hanya dapat dilaksanakan selepas penggunaan sistem komputer di Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan dengan berkesan dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2 dan 14 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).

PENCEROBOHAN BOT ASING

1. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa memandangkan masalah bot-bot asing sering menceroboh perairan tangkapan ikan negara ini, dan sering pula timbul berbagai masalah terhadap nelayan kita, apakah tindakan segera diambil bagi mengatasi masalah tersebut dengan lebih berkesan; dan berapakah kes-kes tangkapan dan tindakan yang telah diambil bersabit dengannya.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Jawapan kepada soalan yang serupa telah pun dijawab pada 1-11-85 tempoh hari. Oleh itu saya tidak ada apa yang hendak ditambah.

PELAJARAN JAWI DALAM PELAKSANAAN KBSR

2. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa Pelajaran Jawi bagi sekolah pelaksanaan KBSR bermula pada tahun 1985 kepada murid-murid di tahun 3 KBSR. Mulai 1986 apabila

tahap 2 (Darjah 4) bermula, Pendidikan Agama Islam akan diajar dalam tulisan Jawi. Pendedahan tulisan Jawi kepada Kakitangan Penting (KP) dibuat oleh Pusat Perkembangan Kurikulum pada Penggal II, 1985. Manakala kakitangan Penting (KP) mendedahkan tulisan Jawi di sekolah-sekolah mengikut kemampuan Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing. Adakah difikirkan cukup masa (tempoh) untuk mengikuti Pelajaran Agama Islam melalui tulisan Jawi.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Pengumuman bahawa Pelajaran Jawi dijadikan sebahagian daripada Pelajaran Agama Islam telah dibuat dalam tahun 1984. Pada bulan Oktober, 1984 sekumpulan guru agama telah diberikan pendedahan mengenai pengajaran Jawi. Ini diikuti dengan kursus bagi Kakitangan Penting dalam bulan Mac, 1985.

Walaupun kursus bagi pengajaran Jawi diadakan dalam bulan Mac, 1985 guru-guru yang mengajar Jawi di kelas-kelas Tahun 3, 1985 digalakkan mengajar Jawi pada awal tahun lagi mengikut cara yang mereka ketahui, ataupun mengikut langkah-langkah seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan Pelajaran Jawi.

Kementerian Pelajaran yakin bahawa masa selama satu tahun adalah mencukupi untuk mempelajari asas bacaan dan tulisan Jawi. Tambahan pula murid-murid Islam telah pun mengenal huruf Jawi sejak tahun satu lagi.

KERETA PROTON SAGA— TEMPAHAN

14. Tuan Ibrahim Azmi Hassan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) setakat ini berapa banyakkah tempahan-tempahan peringkat

pertama, kereta Proton Saga ini, dan berapa banyakkah tempahan-tempahan dari luar Negeri, dan apakah sambutan Proton Saga di kalangan negara-negara jiran khususnya.

- (b) oleh kerana negara-negara Eropah, Amerika hari ini rakyat-rakyatnya cenderung memakai kereta-kereta jenis kecil maka adakah Proton Saga akan mendapat pasaran di sana; dan
- (c) apakah syarat-syarat yang dimestikan untuk menjadi Ejen PROTON Saga.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):

(a) Sehingga ini tempahan-tempahan kereta Proton Saga di dalam negeri untuk kedua-dua model adalah sangat menggalakkan. Tetapi oleh kerana terdapat persaingan yang hebat di antara pengedar-pengedar kereta di Malaysia sekarang ini, maka tidak wajar bagi pihak EON untuk mengemukakan jumlah tempahan-tempahan tersebut. Buat masa ini PROTON masih belum bersedia untuk mengeksport. Walau bagaimanapun, banyak pertanyaan diterima yang menunjukkan kecenderungan untuk mengedar kereta Proton Saga daripada negara luar. Negara-negara yang menunjukkan minat termasuk juga negara-negara jiran.

(b) Mengenai soalan yang kedua, jika kenyataan Ahli Yang Berhormat mengenai kecenderungan rakyat di Eropah dan Amerika untuk memakai kereta-kereta jenis kecil dapat digunakan sebagai asas, mungkin kereta Proton

Saga boleh mendapat pasaran yang baik. Namun demikian tanpa satu kajian yang khusus tidaklah dapat perkara ini disahkan dengan pasti.

(c) Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa tidak terdapat Ejen di dalam sistem pendedaran Proton Saga. Walau bagaimanapun, sekiranya perkataan "Ejen" yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat bermaksud wakil penjual maka syarat-syarat yang ditetapkan atas perlantikan wakil penjual kereta nasional adalah seperti berikut:

(i) Mereka mestilah salah satu daripada berikut—

- (a) Syarikat Berhad;
- (b) Syarikat Sendirian Berhad;
- (c) Syarikat Perkongsian Berdaftar (Registered Partnership); dan
- (d) Pertubuhan-pertubuhan.

(ii) Mereka hendaklah mempunyai:

- (a) Sumber kewangan, kakitangan dan kemudahan-kemudahan yang lengkap dan mencukupi;
- (b) Mempunyai rekod pengalaman yang baik dalam perniagaan kereta.

(iii) Mereka dikehendaki menandatangani perjanjian mengedar (dealer's agreement) yang mengandungi syarat-syarat yang menyeluruh untuk menjadi pengedar.

- (iv) Perlantikan wakil penjual akan dibuat oleh Lembaga Pengarah Syarikat Edaran Otomobil Nasional (EON) tertakluk kepada garis-garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

PERMIT IMPORT (AP)— MEMBATALKAN

15. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau bercadang membatalkan keperluan untuk mendapatkan permit import (Approved Permit) untuk mengimport barang-barang dari Republik Rakyat China; jika tidak, mengapa, dan sama ada beliau juga akan memansuhkan bayaran komisyen $\frac{1}{2}$ peratus yang dikenakan oleh Pernas ke atas barang-barang yang diimport dari negara China, serta nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membaiki perniagaan dan perdagangan dengan negara China termasuk penjualan lebih banyak barang-barang Malaysia ke negara tersebut.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya tidak bercadang untuk memberi penjelasan mengenai sama ada sistem perlesenan import (Approved Permit) dan bayaran komisyen $\frac{1}{2}$ peratus bagi import barang-barang China ke Malaysia itu akan dihapuskan atau tidak, kerana ianya telah pun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Tan Kok Hooi pada 6-11-85 yang lalu.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Wakil Sungai Besi itu mengenai usaha-usaha meningkatkan eksport negara ke China, sukalah saya

menjelaskan bahawa Kementerian sentiasa mengambil langkah galakan eksport seperti penghantaran rombongan serta penyertaan dalam pameran-pameran yang diadakan di RRC. Sejak tahun 1979 Kementerian saya telah menghantar enam rombongan perdagangan rasmi ke negara tersebut. Di samping itu beberapa agensi Kerajaan yang lain seperti Instituti Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) dan PORLA, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Kemajuan dan Perlesenan Getah Malaysia (MRELB) dan Pernas Trading juga turut menganjurkan lawatan-lawatan galakan eksport ke China.

Selain daripada itu Kerajaan juga telah memberi kelonggaran kepada syarikat-syarikat tempatan membuat lawatan-lawatan perdagangan persendirian (Private trade visits) ke China.

Kerajaan juga sedang di dalam proses perundingan dengan pihak China untuk mengadakan Perjanjian Perdagangan, Perjanjian Jaminan Pelaburan dan Perjanjian Perkapalan. Ini adalah antara usaha-usaha Kerajaan yang bertujuan meningkatkan perdagangan dengan PRC.

SEKOLAH RENDAH— KEMUDAHAN ASAS

16. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau dapat menerangkan lebih lanjut lagi rancangan-rancangan Kementeriannya bagi membahagikan kemudahan-kemudahan yang sama bagi ketiga-tiga jenis Sekolah Rendah Kebangsaan untuk melemahkan semangat polarisasi kaum dan sama ada rancangan-rancangan begitu akan dipanjangkan kepada pusat-pusat pendidikan seperti MARA dan sekolah-sekolah berasrama.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kementerian Pelajaran memang sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas persekolahan bagi ketiga-tiga jenis Sekolah Rendah di negara ini. Setakat ini Kementerian Pelajaran telah pun dapat menampung murid-murid peringkat tersebut untuk bersekolah.

Seperti juga untuk sekolah-sekolah Rendah Kementerian Pelajaran memberi peruntukan yang serupa dan secukupnya kepada pusat-pusat pendidikan seperti sekolah-sekolah berasrama.

Mengenai polarisasi pula, Kementerian Pelajaran mempunyai program-program yang tertentu untuk mengurangkan polarisasi kaum di sekolah-sekolah. Di antara program-program tersebut ialah melalui kurikulum iaitu dengan pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Alam dan Manusia, Pendidikan Moral dan Kewarganegaraan, dan juga melalui Rancangan Integrasi Murid-murid untuk Perpaduan di mana murid-murid dari berbagai kaum dapat bergaul, berinteraksi dan memupuk semangat persefahaman, kerjasama dan bersatu padu.

SINDIKET PENDATANG HARAM INDONESIA

17. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar terhadap aktiviti-aktiviti satu sindiket di negeri kita yang mengangkut dengan keuntungan pendatang-pendatang haram dari Indonesia untuk bekerja di negeri kita dan kumpulan pendatang-pendatang haram ini sekiranya diberkas dan dihantar balik ke negeri asal tetapi akan dapat kembali ke negeri kita dengan mudahnya dan apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk memusnahkan aktiviti-aktiviti sindiket ini dan ancaman-ancaman dari pendatang-pendatang haram itu.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian Dalam Negeri tidak sedar mengenai aktiviti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Bukit Mertajam. Walau bagaimanapun Kementerian Dalam Negeri sentiasa bertindak tegas ke atas mana-mana pendatang haram tanpa mengira negara asal mereka.

Pendatang haram yang dikesan akan terus ditangkap, didakwa dan diusir ke negara asal mereka. Di samping itu Kementerian Dalam Negeri juga mengadakan kawalan ketat di semua pintu-pintu masuk rasmi di seluruh negara serta meningkatkan rondaan di kawasan Pengairan Malaysia dan di kawasan-kawasan sempadan daratan.

PETRONAS—SIMPANAN DI LUAR NEGERI

18. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan jumlah amaun simpanan PETRONAS, sama ada wang tersebut dilabur di luar negeri dan sama ada simpanan-simpanan tersebut boleh dipinjam oleh Perbendaharaan untuk mengurangkan kira-kira 30 billion ringgit pinjaman-pinjaman asing.

Datuk Dr James P. Ongkili: Jumlah pelaburan mudah cair (liquid investment) PETRONAS sehingga 30 September 1985 ialah \$11,494 juta. Dari jumlah tersebut pelaburan sebanyak \$2,019 juta ringgit atau 18% disimpan di luar negeri dalam bentuk wang simpanan di bank (bank deposits) dan sekuriti. Pada akhir bulan September PETRONAS memegang sekuriti Kerajaan Malaysia berjumlah \$1,937 juta atau 17% dari jumlah pelaburannya. Pembelian sekuriti Kerajaan oleh PETRONAS merupakan sebagai pinjaman secara tidak langsung kepada Perbendaharaan Negara. Jumlah sekuriti Kerajaan yang dimiliki oleh PETRONAS dari masa ke semasa

adalah bergantung kepada arahan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

HARGA BUAH KELAPA SAWIT

19. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) kenapakah harga buah kelapa sawit sekarang ini menurun begitu cepat dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan ini. Tidakkah dengan turunnya harga kelapa sawit ini telah menjejaskan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit.
- (b) apakah langkah Kementerian dari segi jangka panjang dan jangka pendek untuk mengatasi masalah ini; dan
- (c) adakah masa hadapan perusahaan kelapa sawit di Malaysia ini masih mempunyai harapan kerana saingan yang akan dihadapi akan lebih hebat lagi terutama dari negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan negara-negara Latin Amerika beberapa tahun yang akan datang.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Sebagai menjawab soalan (a) suka saya nyatakan bahawa Kementerian Perusahaan Utama sedar bahawa harga buah kelapa sawit telah mengalami kejatuhan yang ketara pada tahun ini daripada tahap tertinggi \$281.77 se tan metrik yang dicatatkan pada bulan April kepada \$116.96 se tan metrik pada bulan September. Kejatuhan harga ini adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu:

- (i) Kejatuhan harga buah adalah berkait langsung dengan kejatuhan harga minyak kelapa sawit mentah. Kedudukan harga

minyak kelapa sawit pula dipengaruhi secara langsung oleh kedudukan penawaran dan permintaan lain-lain minyak dan lemak di pasaran dunia. Pada umumnya tahun ini merupakan tahun yang baik untuk semua keluaran minyak sayuran dan lemak dunia. Jumlah pengeluaran dunia dianggarkan mencapai paras 66.3 juta tonne pada tahun 1985 dan meningkat ke paras 67.9 juta tonne pada tahun 1986 berbanding dengan jumlah pengeluaran di paras 61.9 juta tonne pada tahun 1984. Pengeluaran minyak kacang soya meningkat ke paras 14.0 juta tonne pada tahun 1985 berbanding dengan 12.5 juta tonne pada tahun 1984. Sementara itu minyak 'sunflower' meningkat dari 5.4 juta tonne ke paras 6.1 juta tonne; minyak 'rapeseed' dari 4.7 juta tonne ke paras 5.5 juta tonne; minyak kelapa meningkat dari 2.2 juta tonne ke paras 2.6 juta tonne; begitu juga dengan lain-lain minyak dan lemak turut meningkat dalam tempoh yang sama. Semua negara-negara pengeluar melaksanakan berbagai usaha pemasaran sebaliknya permintaan dari pengguna adalah terlalu berhati-hati bagi menjimatkan pertukaran asing dalam suasana ekonomi dunia yang meleset. Oleh itu kesan yang dialami ke atas minyak kelapa sawit ialah kejatuhan harga melebihi 20% di pasaran tempatan dan luar negeri berbanding dengan tahun lalu.

- (ii) Peningkatan pengeluaran minyak kelapa sawit tempatan juga membayangkan peningkatan pengeluaran buah bagi suku akhir tahun 1985. Suku akhir tahun 1985 adalah bertepatan dengan musim

memuncak pengeluaran minyak kelapa sawit Malaysia. Umpamanya pengeluaran minyak kelapa sawit bagi bulan September 1985 adalah merupakan fenomena yang tidak dijangkakan di mana pengeluaran dijangka mencapai paras 517,000 tonne iaitu merupakan pertama kali pengeluaran bulanan Malaysia melebihi paras 500,000 tonne. Pengeluaran bulan September juga mengatasi rekod tertinggi pengeluaran bulanan yang pernah dicapai pada bulan Oktober 1984 sebanyak 18%. Pengeluaran yang tinggi dijangka akan juga dicapai untuk bulan Oktober dan November tahun ini. Suasana penawaran buah kelapa sawit yang tinggi sudah tentu memberi kesan kepada permintaan dan keupayaan kilang-kilang tempatan untuk memproses buah.

Kementerian Perusahaan Utama sedar kejatuhan harga minyak kelapa sawit akan juga mengakibatkan kejatuhan harga buah kelapa sawit dan seterusnya menjejaskan pendapatan pekebun-pekebun kecil. Namun demikian, perlu juga diinsafi kejatuhan harga komoditi ini adalah meluas dan memberi kesan kepada semua sektor yang terlibat. Malah dalam suasana ekonomi dunia yang meleset dan permintaan yang lemah telah memberi kesan kepada semua negara-negara pengeluar minyak sayuran dan lemak dunia.

Berhubung dengan jawapan kepada *soalan (b)*, suka saya jelaskan sekali lagi bahawa harga buah kelapa sawit adalah bergantung kepada harga minyak kelapa sawit yang dieksport oleh negara yang ditentukan lebih oleh faktor-faktor asing di luar kawalan Malaysia sebagai negara pembekal. Walau bagaimanapun, beberapa langkah dalam lingkungan kemampuan Kerajaan dan

Kementerian sedang diambil untuk mengurangkan kesan kejatuhan harga ini. Dalam jangkamasa pendek, langkah-langkah telah diambil oleh Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa sawit (PORLA) untuk menyebarkan dan menerangkan kaedah perkiraan harga bagi buah kelapa sawit kepada pekebun-pekebun kecil menerusi Risalah Sawitnya. Langkah ini adalah bertujuan untuk melindungi pihak penjual daripada tindak-tanduk pembeli dan pengilang yang mungkin mengambil kesempatan daripada kedudukan pasaran pembeli yang wujud sekarang. Dari segi langkah jangka panjang pula, perancangan sedang dijalankan untuk meningkatkan lagi keupayaan kilang-kilang memproses buah (mill) serta tangki-tangki simpanan bagi membolehkan lebih pengeluaran buah kelapa sawit disimpan lebih lama dalam bentuk minyak. Langkah ini adalah bertujuan mengatasi kerumitan pihak pengeluar untuk menjual buah kepada pembeli-pembeli dan pengilang-pengilang di samping mengelakkan terjadinya keadaan di mana buah-buah kelapa sawit yang berlebihan tidak diproses dan dibiarkan busuk.

Beraleh kepada *soalan (c)*, perlu ditekankan bahawa minyak kelapa sawit mempunyai daya hasil (yield) yang tertinggi sekali di kalangan semua jenis minyak dan lemak. Ini menjadikan minyak kelapa sawit minyak yang menikmati struktur kos pengeluaran yang terendah di samping mempunyai daya persaingan yang tinggi berbanding dengan minyak dan lemak pesaing lain. Oleh yang demikian, peranannya di dalam pengeluaran dan perdagangan minyak dan lemak dunia dijangka akan bertambah penting dan berpengaruh di tahun-tahun akan datang. Berdasarkan kepada hakikat ini, saya tidak nampak sebarang sebab mengapa kecerahan masa hadapan perusahaan kelapa sawit

Malaysia perlu dikhuatirkan hanya kerana terdapatnya saingan yang dijangkakan daripada negara-negara pengeluaran minyak kelapa sawit yang lain. Sebagai negara pengeluar dan pengekspor minyak kelapa sawit yang terbesar di dunia, Malaysia mempunyai beberapa kelebihan dari segi pengalaman dan kemahiran di bidang pengurusan, teknologi, penyelidikan dan pembangunan (R & D) serta pemasaran yang boleh dieksploitasi untuk menghadapi persaingan daripada negara-negara berkenaan. Adalah lebih wajar jika persaingan negara-negara tersebut disambut sebagai cabaran kepada perusahaan kelapa sawit negara untuk mendorongnya mencapai tahap kecekapan dan daya saingan yang lebih tinggi lagi di pasaran minyak dan lemak dunia.

TANAH BUKIT TINGGI BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN

20. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Wilayah Persekutuan menerangkan alasan di belakang rancangan memperolehi tanah di kawasan Bukit Tinggi, Pahang untuk membina Wilayah Persekutuan yang ketiga bagi negara kita. Apakah rancangan yang dicadangkan untuk tapak Bukit Tinggi. Adakah Kementerian bercadang memperolehi lebih banyak tapak di negeri-negeri lain bagi membangunkannya menjadi lebih banyak tapak di negeri-negeri lain bagi membangunkannya menjadi lebih banyak lagi Wilayah Persekutuan. Jika ada, mengapa. Jika tidak, mengapa.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Kawasan Bukit Tinggi dirancang diambil-alih untuk dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan yang ketiga atas beberapa sebab. Antaranya adalah:

- (a) Menyediakan satu tapak bagi bagi menampung kelebihan penduduk Kuala Lumpur selepas tahun 2000.

- (b) Menyediakan suatu kawasan baru untuk dijadikan bandaraya kembar Kuala Lumpur, supaya kesesakan di Kuala Lumpur dapat dikawal. Di samping itu pembangunan kawasan tersebut juga diharapkan dapat membuka jalan kepada pembangunan kawasan Wilayah Tengah Semenanjung yang pada masa ini masih belum membangun.

Rancangan-rancangan yang telah diatur oleh Kementerian dalam usaha membangunkan kawasan Bukit Tinggi ialah dengan menyediakan perancangan secara menyeluruh kawasan tersebut. Bagi peringkat pertama, perancangan yang lebih terperinci bagi kawasan "core city" sedang diusahakan untuk membolehkan seramai tidak lebih dari 50,000 - 100,000 penduduk tinggal di kawasan yang meliputi seluas 5000 ekar.

Pada masa ini Kementerian belum bercadang untuk memperolehi tanah-tanah di negeri-negeri lain untuk dijadikan Wilayah Persekutuan. Ini adalah kerana Kementerian ini bercadang untuk menumpukan perhatian kepada pembangunan di kawasan Bukit Tinggi apabila ianya dilancarkan kelak.

PENERAPAN ISLAM DALAM ANGKATAN TENTERA

21. Datok Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh mana penerapan Islam telah diamalkan dalam angkatan tentera kita.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Penerapan nilai-nilai Islam sememangnya sudah

lama wujud dalam Angkatan Tentera. Konsep keislaman yang ada dalam Angkatan Tentera kita memang menjadi asas kepada perjuangan mereka untuk mempertahankan negara dari setiap ancaman yang mendatang.

Dalam usaha mempertingkatkan unsur-unsur keislaman dalam Angkatan Tentera beberapa peraturan yang dianggap bertentangan dengan nilai-nilai Islam telah dihapuskan seperti tradisi pengkebumian ala tentera, menghidang minuman keras diacara majlis-majlis resmi, minuman ucapan selamat dengan arak dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Angkatan Tentera bercadang untuk menyusun semula organisasi kakitangan agama kepada satu perjawatan yang dianggotai oleh anggota tentera. Tujuannya ialah memperkemas saluran pemerintahan yang ada, agar dapat memberikan perkhidmatan agama kepada anggota tentera. Rancangan ini merupakan salah satu usaha kerajaan untuk menerapkan nilai Islam dalam angkatan tentera.

PERSATUAN BAHASA TIONGHUA UNIVERSITI MALAYA

22. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab mengapa pendaftaran Persatuan Bahasa Tionghua Universiti Malaya sehingga sekarang ini masih tidak diluluskan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Permohonan bagi penubuhan Persatuan Bahasa Tionghua Universiti Malaya belum diluluskan oleh kerana Kementerian Pelajaran masih mengkaji segala aspek mengenainya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1986

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah ini sekarang bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$8,857,740,400 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam

senarai Belanjawan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1986

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 dan Anggaran Pembangunan, 1986 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Pertama*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

3.38 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$13,975,219,090 yang diperuntukkan dalam anggaran Perbelanjaan Mengurus 1986 dibawah Maksud Bekalan B. 1 hingga B. 63 bagi Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan berkenaan dijadikan jadual dan wang sejumlah tidak lebih dari \$8,857,740,440 yang diperuntukkan di dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1986 di bawah Maksud Pembangunan P. 7, P. 8, P. 13, P. 14, P. 16 hingga P.28, P. 31, P. 33 hingga P. 37, P. 40 hingga P. 42 dan P. 44 hingga

P. 46 bagi Kementerian, Jabatan-jabatan seperti ditunjukkan dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat untuk memberi ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini, oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun menghuraikan tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan yang dicadangkan itu dalam Ucapan Belanjawannya pada 25hb Oktober, 1986 yang lalu ini.

Di samping itu, penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan itu boleh juga didapati dalam Penyata daripada Kementerian Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 27 Tahun 1985.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 12 (Jadual)—

Maksud P. 7 dan P. 8 (Anggaran Pembangunan, 1986)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 1 hingga B. 12 dan Kepala Pembangunan P. 7 dan P. 8 di bawah Kementerian Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

3.41 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, pertama saya mahu menyentuh dengan B. 1 Parlimen—Urusan Parlimen.

Tuan Pengerusi, pertamanya ingin saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas arahan yang diberikan kepada Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen mengenai tanggungjawab mereka kepada Parlimen.

Untuk buat pertama kalinya semenjak beberapa tahun ini, Menteri-menteri kini lebih kelihatan di Dewan ini, walaupun kadangkala untuk selama 5 minit sahaja.

Juga buat pertama kalinya ramai Menteri-menteri telah menggulung perbincangan ke atas Belanjawan bagi pihak Kementerian mereka. Inilah yang sepatutnya dilakukan. Sekiranya Parlimen tidak diturunkan tarafnya menjadi sebuah kedai kopi kelas tiga yang diketuai oleh Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen, sementara Menteri-menteri mendapati bahawa adalah lebih manfaat sekiranya mereka pergi ke 'outstation' untuk menghadiri ceramah-ceramah mini bagi parti-parti politik mereka masing-masing.

Terdapat keperluan yang mendesak untuk memulihkan darjat dan kredibiliti Parlimen.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tadi beliau beri tahniah kepada Menteri-menteri, bagaimanakah pula di dalam perbincangan, kalau pihak Pembangkang nampaknya kosong dan tidak berminat untuk mendengar, kalau kita bandingkan dengan Menteri-menteri yang ada sekarang. Adakah beliau memerintahkan ahli-ahli Pembangkang supaya memenuhkan kerusi masing-masing? *(Tepuk)*

Tuan Lim Kit Siang: Kita ada di sini apabila Menteri-menteri menjawab tetapi apabila Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh bercakap, saya rasa tidak ada orang yang mahu dengar. *(Hear, hear) (Tepuk)*

Tuan Pengerusi, terdapat keperluan yang mendesak untuk memulihkan darjat dan kredibiliti Parlimen yang mana adalah amat penting demi pertumbuhan sihat demokrasi berparlimen kita. Sekiranya rakyat jelata tidak mempunyai keyakinan dalam peranan Ahli-ahli Parlimen kita, maka bagaimanakah mereka mempunyai keyakinan dalam sistem demokrasi berparlimen.

Tuan Pengerusi, masanya telah sampai untuk memulakan reformasi-reformasi Parlimen yang meluas untuk menjadikan Parlimen kita lebih cekap, berkesan dan relevan terhadap hasrat rakyat.

Malangnya, nampaknya reformasi Parlimen adalah satu perkataan yang kotor bagi beberapa orang Perdana Menteri dan Menteri-menteri kerana mereka tidak mahu terbalikkan status quo di mana pada masa sekarang Parlimen merupakan 'rubber stamp' yang sentiasa menurut serta taat kepada pihak Executive.

Sekiranya terdapat reformasi-reformasi Parlimen, maka Menteri-menteri tidak akan, dengan izin, 'take Parliament for granted', seperti yang berlaku sekarang dan mereka terpaksa lebih beraccountable ke atas tindakan-tindakan mereka kerana mereka mungkin akan dikehendaki menghadirkan diri di hadapan Jawatankuasa Kepakaran Parlimen atau 'Specialist Committee', di mana mereka terpaksa menerangkan serta membela keputusan-keputusan dasar atau langkah-langkah yang diambil oleh Menteri berkenaan.

Umpamanya, sekiranya wujud, 'Specialist Committee' di Parlimen mengenai hal ehwal dalam negeri atau

kewangan, maka Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak akan dibenarkan melepaskan diri dengan memberikan jawapan-jawapan yang 'evasive' mengenai masalah pendatang-pendatang haram Indonesia.

Begitu juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak akan dibenarkan melepaskan diri dengan memberikan jawapan-jawapan, dengan izin, 'cheeky', dengan mengambil ingatan larangan agama Islam terhadap perjudian seperti jawabannya mengenai Cabutan Tambahan Mingguan Empat Ekor yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan sejak April lalu, bahawa kesalahan kecil adalah sama dengan kesalahan besar kerana kedua-duanya itu adalah kesalahan.

Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri telah beritahu pesalah-pesalah dan penjenayah-penjenayah bahawa sekiranya mereka melakukan kesalahan atau jenayah adalah lebih baik mereka melakukan kesalahan-kesalahan atau jenayah-jenayah yang besar, kerana kesalahan-kesalahan dan jenayah-jenayah kecil pun adalah sama salah juga.

Tambahan pula sekiranya wujud Jawatankuasa-jawatankuasa Specialis Parlimen, maka Ahli-ahli Parlimen akan menjadi lebih khusus dalam pengetahuan, pengalaman dan kepakaran mereka dan bukan sahaja akan menjadi satu sumbangan kepada Parlimen tetapi juga akan menjadi asset kepada negara.

Tuan Pengerusi, dalam pada ini, saya ingin membantah sekeras-kerasnya amalan Kerajaan untuk menafikan Parlimen maklumat-maklumat yang Ahli-ahli Parlimen dan negara berhak memperoleh. Umpamanya dalam Mesyuarat Parlimen ini, saya telah bertanya Yang Berhormat Menteri Pertahanan

anggaran terbaru terhadap jumlah kos Pengkalan Tentera Laut di Lumut serta menyatakan sama ada kemudahan-kemudahan peluru nuklear dipasang di pengkalan tersebut.

Pertanyaan saya ditolak di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 23 (1) (f) yang berbunyi:

“sesuatu pertanyaan itu tidak boleh meminta keterangan berkenaan dengan apa-apa perkara rahsia;”

Ini adalah puncak, dengan izin, affrontry dan penghinaan terhadap Parlimen.

Kerajaan datang ke Dewan ini untuk meminta diluluskan peruntukan bagi Pengkalan Tentera Laut di Lumut yang telah bertambah dari \$480 juta pada asalnya kepada \$1.2 billion dan apabila ditanya anggaran terbaru sekali dan sama ada kemudahan-kemudahan peluru nuklear dipasang di situ, Kerajaan memberitahu Parlimen bahawa ia tidak berhak mengetahuinya.

Sekiranya Parlimen tidak berhak mengetahui kos terbaru yang dikaji semula bagi Pengkalan Tentera Laut, Lumut sama ada 'cost overrun' \$720 juta adalah disebabkan keputusan untuk membina sailo-sailo serta melengkapkan pengkalan tersebut dengan peluru-peluru berpandu serta kemudahan-kemudahan nuklear, maka prinsip perakaunan dan pengawalan Parlimen ke atas perbelanjaan Kerajaan sia-sia sahaja.

Malahan Parlimen tidak seharusnya meluluskan, walau satu sen pun bagi Kementerian Pertahanan sekiranya Kementerian Pertahanan melayani Parlimen dengan penuh hina serta enggan memberi maklumat-maklumat yang Ahli-ahli Parlimen dan rakyat Malaysia berhak mengetahuinya.

Tuan Pengerusi, orang-orang besar di Kementerian Mindef, tidaklah hidup dalam Utopia sehingga mempercayai

bahawa perusahaan-perusahaan pertahanan dunia serta negara-negara yang berminat mengetahui keupayaan pertahanan Malaysia, tidak sedar akan installation yang sedang dijalankan di Pengkalan Tentera Laut Lumut, hanya Ahli-ahli Parlimen dan rakyat Malaysia akan tinggal dalam kegelapan dengan tidak mampu memutuskan akan dasar dan masa depan pertahanan Malaysia.

Saya mendapati Belanjawan tahun ini pun mempunyai format yang baru yang memberikan Ahli-ahli Parlimen maklumat-maklumat yang kurang mengenai butir-butir berhubung dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang Dewan ini diminta meluluskan apabila dibanding dengan format yang dahulu. Umpamanya bagi anggaran perbelanjaan pembangunan bagi Tentera Laut, perbelanjaan tersebut adalah dibahagikan di bawah dua kepala kecil lain iaitu Pembinaan dan Kelengkapan yang tidak memberitahu apa-apa pun. Dahulu Belanjawan akan memberikan butir-butir berasingan untuk berbagai pengkalan Tentera Laut di Lumut, Kuantan, Labuan dan sebagainya serta juga angka-angka berasingan.

Tuan Ismail bin Said : Point of order 36 (1): "Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu."

Tuan Pengerusi, sekarang ini kita di bawah B. 1 hingga B. 6. Tetapi apakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang membincangkan masalah Tentera Laut dan sebagainya, saya percaya ini tidak kena mengena dengan tajuk yang kita bincangkan sekarang. Saya minta ruling daripada Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh saya memberi sebab. Sebenarnya saya tidak membahaskan mengenai masalah Pertahanan. Apa yang saya

kemukakan ialah bahawa cara pembentangan kepada Parlimen sehingga Ahli-ahli Parlimen tidak dapat maklumat-maklumat untuk menjalankan tugas mereka sebagai Ahli Parlimen. Yang Berhormat yang bercakap tadi tidak faham. Saya tidak menyentuh masalah Pertahanan, tetapi bagaimana peranan Ahli Parlimen boleh dijalankan.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat tumpukan ucapan itu kepada Parlimen. Silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya akan terus menumpukan kepada peranan Ahli Parlimen. Oleh kerana bentuk ini yang tidak begitu lengkap, Ahli-ahli Parlimen tidak dapat maklumat-maklumat yang patut diberi kepada mereka. Saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyiasat ke dalam perkembangan yang dilakukan ini yang menafikan maklumat-maklumat kepada Parlimen serta mengeluarkan satu arahan kepada semua Kementerian khususnya MINDEF, supaya hentikan penggunaan-penggunaan alasan rahsia untuk menahan maklumat-maklumat yang Parlimen serta rakyat Malaysia berhak mengetahuinya.

Tuan Pengerusi, trend ke arah kerahsiaan Kerajaan yang lebih adalah bercanggah dengan kawalan bermakna Parlimen ke atas perbelanjaan-perbelanjaan awam. Pengamalan kerahsiaan atau cult of secrecy dalam Kerajaan di Malaysia adalah amat tidak sihat yang dapat dilihat daripada pindaan-pindaan lanjut kepada Akta Rahsia Rasmi untuk menjadikan pindaan tersebut lebih repressive daripada Akta Ibunya. Pendakwaan wartawan *New Straits Times*, Sabri Shariff dan wartawan *Far Eastern Economic Review*, James Clad di bawah Akta Rahsia Rasmi. Budibicara Peguam Negara untuk mengizinkan pendakwaan di bawah Akta Rahsia Rasmi tidak boleh dicabar di dalam Mahkamah. Parlimen sahajalah

tempat di mana perlakuan budibicara tersebut boleh disoal. Saya menggesa Peguam Negara supaya jangan memberi kebenaran secara sewenang-wenangnya untuk mendakwa seseorang di bawah Akta Rahsia Rasmi kerana ciri-ciri buruk, kekerasan serta sifat Draconian Akta Rahsia Rasmi hanya dapat ditempered, dengan izin, dengan penggunaan budibicara Peguam Negara secara adil apabila memberi kebenaran untuk pendakwaan. Peguam Negara tidak seharusnya memberi kebenaran untuk pendakwaan di bawah Akta Rahsia Rasmi kecuali keselamatan negara tergugat atau dikompromisekan dan tidak seorang pun yang boleh menyatakan bahan keselamatan negara tergugat sekiranya pendedahan-pendedahan mengenai pelbagai jenis kelengkapan yang sedang ditimbang oleh Kementerian Pertahanan serta kosnya masing-masing dibuat. Barulah mereka yang takut bahawa untung besar yang mereka harap-harapkan akan hilang peluang itu kalau perkara itu dibongkar, barulah takut perkara-perkara ini dibukakan.

Tuan Pengerusi, sebelum saya meninggalkan subjek ini dan subjek ini ialah subjek kedua Peguam Negara bukan Parlimen, saya ingin menegaskan bahawa Peguam Negara hendaklah mengambil ingatan tentang betapa perlunya beliau bertindak mengatasi segala pertimbangan-pertimbangan parti atau persendirian sekiranya jawatannya tidak mengalami kekejian. Walau bagaimanapun saya telah menerima jawapan Yang Berhormat Menteri dengan pertanyaan Parlimen saya mengenai kegunaan budibicara Peguam Negara, namun jawapan tersebut tidak memuaskan atau meyakinkan rakyat Malaysia bahawa budibicara Peguam Negara tidak disalahgunakan. Sehingga ini persoalan yang sering ditanya-tanya ialah mengapa Naib

Presiden Majlis Peguam, Param Cumaraswamy didakwa dengan tuduhan-tuduhan di bawah Akta Hasutan sementara semasa krisis Perlembagaan tahun 1983, apabila beberapa serangan dibuat terhadap kedudukan Raja-raja, tidak seorang pun didakwa.

Tuan Pengerusi, sekarang suka saya menyentuh kepada perpaduan negara. 28 tahun selepas merdeka, dari tahun 1957, proses pembinaan negara Malaysia masih lemah dan tertakluk kepada rintangan dan tentangan. Krisis politik dan Perlembagaan Sabah adalah satu ujian besar akan pembinaan negara Malaysia serta sistem demokrasi berparlimen kita. Terdapat anasir-anasir yang tidak demokratik baik di dalam atau di luar Sabah yang sengaja mencetuskan krisis politik dan Perlembagaan yang berpanjangan supaya dapat mencipta satu keadaan yang akan mewujudkan ketegangan untuk memberi alasan agar satu perisytiharan darurat diisytiharkan oleh pihak Persekutuan. Pemecatan Kerajaan PBS Sabah yang dipilih oleh rakyat, pengambilan alih kuasa oleh Persekutuan serta penempatan pemimpin-pemimpin USNO dan BERJAYA di jawatan-jawatan yang berkuasa di Sabah yang mereka telah hilang dalam pilihanraya umum yang diadakan dengan adilnya di Sabah dalam bulan April tahun ini, pemimpin-pemimpin kebangsaan harus sedar bahawa apa yang terbabit dalam krisis politik dan Perlembagaan Sabah bukanlah semata-mata timbul tenggelam parti-partai politik ataupun muka Barisan Nasional yang menerusi Pengerusinya telah mengisytiharkan dalam pilihanraya umum Sabah bulan April lalu untuk, dengan izin, to sink or swim with BERJAYA. Apa yang penting ialah sama ada idea Malaysia tahun 1963 yang membawa rakyat Sabah bersama dengan rakyat Sarawak untuk menyertai rakyat Semenanjung

Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang committed terhadap kebebasan, persamaan dan keadilan akan dihormati atau dimungkir.

Sekiranya rakyat Sabah menerusi undi mereka dalam pilihanraya umum April tidak berhak memilih Kerajaan kesukaan mereka dan terpaksa menghadapi campurtangan Persekutuan secara langsung atau tidak langsung menerusi bantuan atau pakatan dengan kuasa-kuasa politik Sabah yang ingin menghalang kemahuan rakyat Sabah, maka compact Malaysia tidak akan dihormati, kerana ini akan bermakna janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pertama kita, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj kepada rakyat Sabah untuk mencapai kemerdekaan melalui Malaysia serta menikmati kebebasan-kebebasan demokratik telah dimungkir kerana rakyat Sabah bukan sahaja tidak berhak dalam tahun 1985 untuk memilih pimpinan politik yang mereka ingini tetapi hanya bebas untuk memilih pimpinan atau susunan yang dikenakan oleh Kuala Lumpur.

Ini sebenarnya akan menjadikan rakyat Sabah warganegara kelas dua dan hanya akan menyulitkan lagi pembinaan negara khasnya perintegrasian berbagai wilayah di Malaysia. Kerajaan Malaysia mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membantu mengurangkan krisis politik dan Perlembagaan buatan semata-mata di Sabah itu serta membenarkan Kerajaan PBS di bawah Datuk Joseph Pairin Kitingan yang mempunyai majoriti yang besar serta terus terang untuk menjalankan dengan tegas memerintah negeri Sabah.

Pada pandangan saya bahawa tanpa kebenaran terbuka atau tersurat atau tersirat kuasa-kuasa Kerajaan Persekutuan, krisis politik dan perlembagaan buatan untuk di Sabah

pasti tidak akan sampai ke tahap seperti sekarang. Inilah masanya bagi kuasa-kuasa Persekutuan untuk meletakkan kepentingan negara ke atas kepentingan partai atau sanctional serta menghormati dan patuhi kemahuan demokratik rakyat Sabah dan janganlah merosakkan idea Malaysia dengan menghancurkan keyakinan rakyat Sabah terhadap negara Malaysia. Atas sebab inilah saya rasa hairan dan terkejut bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah menetapkan tarikh selama 86 hari diantara tarikh perletakan jawatan secara paksa oleh keempat-empat Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah pada 30hb Oktober dan hari pembuangan undi bagi keempat-empat kawasan tersebut pada 24hb dan 25hb Januari, 1986. Perbuatan ini mengkompromaiskan kebebasan dan impartiality Suruhanjaya Pilihanraya kerana bagi mereka yang ingin menggoncang.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat berucap berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya itu tidak bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 36 (8)—Kelakuan atau sifat atau cara-cara mereka itu menjalankan kerja. Saya rasa itu bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 36 (8).

Tuan Lim Kit Siang: Dengan izin, Peraturan Mesyuarat 36 (8):

“The conduct or character.”

Tuan Pengerusi: Saya harap Yang Berhormat jangan melanjutkan ucapan melainkan dengan usul yang bersendir.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, kalau saya boleh.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, 36 (8) yang berbunyi seperti berikut.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk! Saya sedang berbincang dengan Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Sim Kwang Yang: Belum habis?

Tuan Pengerusi: Ya, belum habis.

Tuan Lim Kit Siang: Dengan izin:

“36 (8) The conduct of character. . . . of members of the Election Commission, shall not be referred to except upon a substantive motion moved for that purpose.”

Pada pandangan saya ini ialah mengenai conduct or character ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya. Oleh kerana kalau Peraturan Mesyuarat 36 (8) ditafsirkan untuk melarang semua perbincangan mengenai perjalanan Suruhanjaya Pilihanraya ini, bererti bahawa dalam Parlimen ini kita pun tidak boleh kritik mengenai apa-apa penyelewengan atau pentadbiran yang salah dalam Suruhanjaya.

Tuan Pengerusi: Ya, saya ingat begitu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak menyentuh conduct or character ahli-ahli Suruhanjaya dan kalau saya sebut nama Pengerusi atau sesiapa ahli untuk mengadakan satu kritik bersendirian, itu perkara yang lain.

Tuan Pengerusi: Saya tidak setuju Yang Berhormat. Saya memikirkan kelakuan dan sifat termasuk cara-cara mereka itu buat kerja dan pada fikiran saya mereka itu kita boleh kritik dengan cara dikeluarkan usul bersendirian sepertimana yang telah disyaratkan di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (8) itu, bukan tidak boleh, boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mematuhi ruling, Tuan Pengerusi. Tetapi saya akan terus kritik Election Commission di luar Dewan ini.

Tuan Pengerusi, nampaknya saya pun telah habis mengenai perenggan ini. Sekarang saya mahu menyentuh mengenai perpaduan nasional serta mengenai Badan Pencegah Rasuah dan atas sebab yang sama inilah menyebabkan rakyat Malaysia terasa diganggu dengan penangkapan dan pendakwaan Peguam Negeri Sabah merangkap Penasihat PBS, Herman Luping atas tuduhan rasuah.

Saya bukanlah akan membicarakan sama ada Herman Luping bersalah atau tidak bersalah terhadap tuduhan-tuduhan yang dikenakan ke atasnya, ini terpulanglah kepada mahkamah bagi memutuskannya. Soal Badan Pencegah Rasuah harus menjawab ialah mengapa ia bertindak dengan begitu pantas mendakwa seorang pemimpin kanan Kerajaan PBS kerana rasuah dalam tempoh kurang 6 bulan selepas tertubuhnya sebuah Kerajaan baru dan tidak pula menangkap walaupun seorang pemimpin USNO dan BERJAYA kerana melakukan rasuah dalam tempoh 15 tahun yang lalu ini. Rakyat Malaysia sedar bahawa dari sejarah BPR. . . .

Tuan Ismail bin Said: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, kalau ada tanggungjawab atau kuasa memberi penjelasan, boleh.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat, saya cuba mencari-cari di bawah butiran berapa Yang Berhormat bercakap sekarang. Saya tidak jumpa.

Tuan Pengerusi: Ya, saya pun memikirkan Yang Berhormat dari Kota Melaka bercakap di atas dasar. Sama ada Kerajaan tangkap seseorang atau tidak tangkap orang lain, itu adalah dasar. Saya rasa di dalam Jawatankuasa, kita berkehendakkan berbincang di atas cara-cara

pembayaran ataupun perbelanjaan yang di bawah Jabatan-jabatan atau Kementerian yang telah ditentukan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, apa yang saya timbulkan ialah cara-cara BPR menjalankan tugas iaitu janganlah menimbulkan diskriminasi dan menimbulkan ketidak keyakinan. Kalau dasar Kerajaan ialah untuk menjalankan diskriminasi dengan menangkap sesiapa sahaja semata-mata untuk menjalankan dasar, itu saya patuhi tetapi saya percaya itu bukan dasar. Dan saya harap boleh diteruskan tanpa diganggu oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang menakutkan dengan suara-suara yang dikeluarkan. Kita tidak takut, mereka hendak cakap apa, boleh cakap.

Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia sedar bahawa dari sejarah BPR, BPR telah digunakan sebagai satu alat politik untuk menghadapi musuh-musuh politik.

Tuan Pengerusi: Pada fikiran saya itu dasar.

Tuan Lim Kit Siang: Apa bukan dasar?

Tuan Pengerusi: Itu dasar.

Tuan Lim Kit Siang: Tangkap musuh-musuh politik; dasar; melepaskan kawan-kawan politik bukan dasar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, pada fikiran saya itu dasar. Yang Berhormat sendiri tahu itu dasar. Butir-butir yang boleh dibincangkan di bawah Jawatankuasa telah pun kita bincangkan beberapa lama dan kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat, pada fikiran saya, telah pun mengetahui apa bezanya dasar dan butir-butir atau details.

Tuan Lim Kit Siang: Tafsiran tugas, operasi dan perjalanan satu Kerajaan, berjenis-jenis. Apa yang kita mahu

dalam committee stage di sini apabila kita bincang mengenai belanjawan BPR yang ada tugas untuk mencegah rasuah supaya rasuah tidak menjadi satu cancer di tanahair kita ialah bahawa dalam perjalanan hari-hariannya, dalam tugas-tugas dan butiran-butiran berjalan dengan lurus dan tidak berlaku penyelewengan. Dasarnya ialah untuk menangkap orang yang korup. Itu saya setuju. Dan kalau BPR sudah menyeleweng, tidak tangkap orang yang korup, itu adalah butir-butiran.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: On a point of order.

Tuan Pengerusi: On a point of order, sila.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Kalau saya tidak silap, Tuan Pengerusi telah membuat keputusan, ucapan Yang Berhormat tadi adalah dasar. Ikut Peraturan Mesyuarat kita ini keputusan Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi adalah muktamad. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka masih mempertikaikan keputusan Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya teruskan ucapan saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya suka hendak bacakan Peraturan 67 (9):

“67 (9) Perbincangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dalam Jawatankuasa ataupun dalam perkara yang lain-lain hendaklah.

Tuan Lim Kit Siang: Itu Supplementary Budget bukan untuk Budget.

Tuan Pengerusi: Dia punya principle serupa. Yang Berhormat, adakah mahu challenge saya.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya bacakan Peraturan 66 (12) iaitu paragraph yang sebenarnya:

“(12) On the question, “That the sum of \$. for head. stand part of the schedule”, debate shall be confined to the policy of the service.”

Dasar perkhidmatan ini dibahaskan 66 (12), dasar:

“. the policy of the service for which the money is to be provided and shall not deal with the details of expenditure.

67 (9) ialah benar terhad kepada butiran-butiran, tetapi itu untuk Supplementary Estimates sahaja, saya harap bahawa Tuan Pengerusi boleh benarkan saya teruskan.

Tuan Pengerusi: Sekejap, nanti saya pastikan dahulu.

Ya, “perbahasan hendaklah dihadkan kepada dasar perkhidmatan yang hendak diuntukkan wang itu dan tidak boleh mengenai butir-butir perbelanjaan, tetapi boleh menyebutkan butir-butir hasil ataupun kumpulanwang-kumpulanwang yang dalam tanggungan khidmatan itu.” Jadi Yang Berhormat tidak boleh berucap seperti di dalam masa dasar pada hari yang pertama sehingga kelmarin. Di dalam Jawatankuasa pada fikiran saya ialah perkara spesifik bukan di atas perkara am. Kalau Yang Berhormat hendak bercakap di atas perkara yang spesifik, saya akan benarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan cakap berkenaan dasar perkhidmatan yang diuntukkan wang itu.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Dan perkhidmatan yang saya sentuh ialah Badan Pencegah Rasuah, sebab itu saya mahu cakap berkenaan dengan dasar yang berkenaan dengan Badan

Pencegah Rasuah, yang selaras dengan Peraturan Mesyuarat, dan inilah cara yang diadakan dalam Parlimen semenjak Parlimen ditubuhkan, masa Tuan Pengerusi sendiri jadi Ahli Parlimen tahun 1964-1969. Kita boleh refer kepada *Hansard-hansard*. Saya harap kita boleh mematuhi peraturan-peraturan.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat teruskan, tetapi ikutlah Peraturan Mesyuarat 66 (12) itu.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia sedar bahawa dari sejarah BPR, BPR telah digunakan sebagai satu alat politik untuk menghadapi musuh-musuh politik, pesaing-pesaing politik dengan kuasa yang memerintah ingin menghapuskan dari kancah politik akan dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan rasuah, sementara personaliti-personaliti politik yang sama, kalau tidak lebih korap adalah selamat daripada penyiasatan atas pendakwaan BPR. Kes bekas Menteri Besar Selangor Dato Harun Idris adalah contoh yang paling klasik sama sekali.

Tuan Pengerusi, soal yang saya mahu tanya ialah sama ada pendakwaan Herman Luping ada berhubung dengan pandangan bahawa Herman Luping adalah bertentang dengan idea PBS mengadakan satu Kerajaan Campuran dengan USNO atau BERJAYA.

Tuan Ismail bin Said: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, sila on a point of order?

Tuan Ismail bin Said: Peraturan 44 (1). Nampaknya Tuan Pengerusi, wakil dari Kota Melaka telah berdegil-degil tidak mengikut peraturan yang dibuat oleh Tuan Pengerusi. Jadi saya minta ruling dari Tuan Pengerusi supaya wakil dari Kota Melaka diberhentikan daripada bercakap.

Tuan Pengerusi: Yang menyusahkan diri saya itu ialah dalam Peraturan 66 (1) tidak serupa dengan 67. 67 (9) disebutkan dengan terang-terangnya:

“ kepada butir-butir yang terkandung dalam anggaran belanja yang diminta. ”

Tetapi dalam 66 itu tidak tersebut, hanya yang disebut itu ialah 66 (12) yang mengatakan:

“ dasar khidmatan yang hendak diuntukkan wang itu dan tidak boleh mengenai butir-butir perbelanjaan. ”

Jadi atas bacaan ini, saya mintalah Yang Berhormat itu bercakap janganlah seperti dasar sebagaimana yang kita bercakap selama 11 hari yang lepas iaitu dasar di atas satu-satu, bukan terlalu luas sebagaimana “in principle” kita berucap itu. Jikalau tidak, tidak ada makna kita adakan perbincangan dalam Jawatankuasa jika kita berucap seperti di dalam bacaan yang kedua juga. Apakah maknanya kita bahagikan perbincangan kepada dasar, dan Jawatankuasa. Kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka memikirkan itu adalah mengikut syarat 66, saya rasa tidak, Peraturan 66 ini tidak memberi keterangan yang secukupnya terang. Dengan yang demikian, saya membuat ruling iaitu dasar yang dikehendaki berucap di dalam bacaan kali kedua dan bacaan kali yang ketiga, lazimnya, dalam mana-mana undang-undang sekalipun kita hanya menumpukan kepada perkara-perkara yang di dalam itu sahaja, dan bukan meliputi sepertimana yang di dalam pada masa principle atau pada masa bacaan kali yang kedua. Oleh yang demikian, saya mintalah Yang Berhormat dari Kota Melaka bekerjasama dengan saya. Kalau tidak saya terpaksa meminta Yang Berhormat jangan bercakap.

Tuan Sim Kwang Yang: Bolehkah saya minta penjelasan daripada Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, boleh.

Tuan Sim Kwang Yang: Jikalau di bawah Maksud B. 11 untuk memperuntukkan wang sebanyak \$18 juta kepada Badan Pencegah Rasuah bagi butiran di bawah pendakwaan, penyiasatan dan sebagainya. Wang itu akan digunakan untuk menjalankan tugas oleh Badan Pencegah Rasuah termasuk mendakwa, menyiasat kes Herman Luping juga. Oleh yang demikian, pada pendapat saya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka belum terkeluar daripada perbincangan spesifik itu.

Tuan Pengerusi: Ya, jikalau sekiranya spesifik saya akan benarkan, jikalau sekiranya dasar sebagaimana diucapkan dalam bacaan kali yang kedua itu, jadi bercanggahlah dengan cara-cara peraturan perbincangan dalam Parlimen ini. Jika sekiranya hendak baca kali yang kedua serupa dengan bacaan di dalam Jawatankuasa. Sekiranya Yang Berhormat boleh hadkan kepada butir-butir dasar pada benda-benda yang ditentukan sebagaimana yang selalu atau lazim kita buat di dalam perbincangan kita atau perbincangan kita dalam Parlimen, saya akan benarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, apa saya buat ialah lazim apa yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini. Mungkin nampaknya apa yang lazim sekarang bukan lazim dan kalau saya boleh memberi pandangan, perbincangan dasar pada Bacaan Kedua, khasnya dalam Rang Undang-undang Perbekalan ialah “wide ranging” mengenai apa-apa dasar-dasar Kerajaan. Tetapi dalam perbincangan Jawatankuasa kita terhad fokus, menumpukan masa kita, fikiran kita, ucapan kita kepada dasar perkhidmatan yang dikemukakan dan dasar perkhidmatan tidak boleh dihadkan saya rasa kepada peruntukan \$10 untuk tandas, \$50 untuk teksi, untuk perkhidmatan seluruhnya.

Saya merayu Tuan Pengerusi untuk membenarkan saya meneruskan, bukan untuk memberi peluang kepada saya berucap tetapi inilah lazim apa yang kita ada dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak terkeluar kepada apa yang termaktub dalam Peraturan Mesyuarat, tak cakap kepada saya bukan hal mustahak, tetapi apa yang mustahak ialah kita mahu selaras dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Baiklah, saya benarkan Yang Berhormat tetapi mintalah supaya jangan terlampau umum sangat sehingga menjadi dasar di bawah Bacaan Kali Yang Kedua. Baiklah, saya minta teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya masih dalam perkara Badan Pencegah Rasuah yang bertanggungjawab menjalankan tugas mereka supaya commitment dan jaminan-jaminan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan 2M mahu membentaras rasuah ditunaikan. Di sini Badan Pencegah Rasuah yang akan dapat begitu banyak peruntukan dalam tahun ini patutlah faham bahawa credibility BPR adalah sudah dapat satu pukuan yang hebat supaya satu usaha seluas-luasnya dijalankan untuk kembalikan khasnya kepercayaan rakyat terhadap badan tersebut.

Satu masalah akar-umbi yang menjadikan rasuah satu masalah bermaharajalela di tanahair kita ialah politik kewangan dan perkara ini pun ada diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam beberapa persidangan UMNO mengenai politik kewangan dan perkara ini pun patut diambil perhatian oleh Badan Pencegah Rasuah, tetapi malangnya apabila politik kewangan timbul di Sabah di mana kita dapat tahu bahawa ada tawaran \$2 juta untuk seorang ahli Assemblyman untuk melompat kerusi, nampaknya tidak ada apa-apa tindakan diambil, baik pun oleh Kerajaan atau

untuk Badan Pencegah Rasuah. Hari ini kita pun ada baca mengenai pengumuman oleh Ketua Menteri Sabah bahawa Kerajaan Sabah memperolehi cukup maklumat dan bukti untuk satu Suruhanjaya Siasatan diadakan untuk menyiasat korupsi, salah pengurusan, salah pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri BERJAYA dan USNO dan masalah beliau hadapi ialah tidak ada seorang yang sesuai untuk mengetuai Suruhanjaya ini. Saya harap bahawa Badan Pencegah Rasuah boleh membantu dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh membantu sepenuhnya langkah ini yang saya rasa akan memberi kesan yang baik kepada usaha membentaras rasuah, khasnya kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menunjukkan kejujurannya dalam kempen anti-rasuah dan supaya Suruhanjaya Siasatan di Sabah ini boleh lebih diterima oleh Kerajaan Pusat, mungkin saya percaya bahawa Kerajaan PBS tidak ada apa-apa tentangan kepada cadangan untuk meluaskan skop untuk siasat bukan sahaja apa-apa rasuah yang berlaku dalam Kerajaan sebelum PBS, tetapi termasuk kalau ada dalam masa di bawah pentadbiran Kerajaan PBS.

Tuan Pengerusi, akhirnya mengenai perkara Sabah, saya rasa bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah bertanggungjawab untuk khasnya membuat satu perbezaan perhubungan antara parti-parti dua-dua tempat dan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Federal. Sebab itulah saya pernah mencadangkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat lawatan rasmi ke Sabah untuk buat jaminan kepada rakyat Sabah bahawa tak kira apa-apa perbezaan parti politik, Kerajaan Persekutuan akan terus menjaga perhubungan antara Persekutuan dan Negeri.

Lagi satu cadangan yang saya mahu kemukakan ialah bahawa satu Jawatankuasa Kerja dianggotai oleh

Menteri kedua-dua pihak, Menteri-menteri Sabah dan Menteri-menteri Federal diadakan untuk memperbaiki perhubungan kedua-dua antara Federal dan Negeri Sabah. Saya rasa perkara yang lebih berkesan untuk meredakan keadaan di Sabah selain daripada satu pengumuman yang tegas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaan Persekutuan akan menerima tanpa apa-apa syarat keputusan rakyat Sabah dalam Pilihanraya Besar, April 1985 dan tidak akan membenarkan apa-apa tindakan tidak demokratik, tidak berperlembagaan untuk menggulingkan Kerajaan Pilihan. Di sini saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun akan memberhentikan pemimpin-pemimpin bawahannya, pemimpin UMNO semacam Timbalan Menteri Luar Negeri dan Kerjaraya jangan campurtangan dalam krisis Sabah yang cuba untuk memecahbelahkan pimpinan Joseph Pairin daripada anggota-anggotanya atas perkara penubuhan Kerajaan Campuran di Sabah. Saya harap bahawa perkara ini boleh diambil perhatian dan oleh kerana apa yang patut diamalkan dalam Malaysia ialah demokrasi dan bukan Umnokrasi bahawa oleh kerana UMNO pernah mengambil alih MCA di mana Naib Presiden UMNO.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun. Saya rasa perkara itu bukan perkara dalam Jawatankuasa.

Tuan Lim Kit Siang: Itu "by the way" (*Ketawa*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Minta jalan. Boleh beri jalan?

Tuan Pengerusi: Saya ingat tak usah teruskanlah. Saya tegahkan dia bercakap daripada perkara itu.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Pengerusi, dalam ucapan Yang Berhormat dari Kota Melaka, beliau meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke Sabah dan minta menyelesaikan masalah Sabah. Dalam satu nada juga beliau memberi amaran kepada ahli-ahli UMNO supaya jangan mengganggu keadaan di Sabah. Jadi, saya tak faham yang mana satu minta pertolongan, yang mana satu lagi minta jangan ganggu. Adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka faham dan sedar bahawa rakyat Sabah tidak mahu diganggu dalam hal mereka mentadbirkan negeri Sabah?

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Lim Kit Siang: Inilah menunjuk bahawa ada pemimpin-pemimpin yang menganggap mereka veteran, tidak faham ada perbezaan (*distinction*) antara peranan parti dan peranan Kerajaan. Apabila saya bercadang bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Sabah dan mengambil inisiatif untuk defuse masalah atau krisis politik sebagai peranannya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ada tanggungjawab kepada semua rakyat tak kira apa-apa parti, bukan sebagai ketua UMNO. Kalau beliau pergi ke Sabah sebagai ketua UMNO, saya pun tak setuju dan apabila saya menyeru bahawa pemimpin-pemimpin second line, dengan izin, UMNO jangan campur tangan, jangan pecahbelahkan PBS ialah mengenai peranannya ala politik, ada dua perbezaan. Kalau Yang Berhormat tak faham, itu terulanglah kepada beliau sendiri.

Tuan Pengerusi, dalam perbahasan Budget Ahli-ahli DAP ada beberapa kali menegaskan betapa rumitnya

masalah perpaduan negara diancam oleh tindakan di mana rakyat Malaysia dikumpulkan kepada dua kategori bumiputera dan bukan bumiputera dan pun dengan seruan kita bahawa Kerajaan patutlah menerima perisytiharan yang diluluskan oleh 27 Badan-badan Pertubuhan Cina pada 20hb Oktober, 1985.

Saya rasa sangat kesal bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bercakap bukan sahaja bagi pihak Perdana Menteri tetapi pun saya percaya bagi pihak komponen-komponen parti Barisan Nasional, MCA, Gerakan, SUPP, bahawa perisytiharan itu baru pandangan segolongan orang sahaja. Tetapi apa yang lebih dikesali ialah semenjak Budget pada 25hb Oktober ada lagi perkembangan-perkembangan di mana dasar-dasar kuota, peratusan-peratusan DEB ada diextend, cara baru dan cara yang tidak patut khasnya pada 7hb November apabila ada berlaku MAS issue dan yang pertama kali tanpa amaran, tanpa perbincangan rakyat dapat diberi tahu ada peraturan yang baru di mana untuk semua saham-saham public issue 51%.

Tuan Pengerusi: Adakah Yang Berhormat bercakap mengenai perkara peruntukan B. 12 Jabatan Perpaduan Negara?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Jabatan Perpaduan Negara.

Tuan Pengerusi: Pengeluaran saham adalah bukan di bawah tanggungjawab Jabatan Perpaduan Negara. Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu contoh sahaja. bagaimana melemahkan atau membelakangkan usaha perpaduan negara. Dan 51% untuk public issue yang baru akan direseved untuk bumiputera, yang sebelum itu 30% dan direseved kepada syarikat-syarikat bumiputera yang diluluskan oleh Kerajaan. Sekarang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh membangkitkan perkara ini bila mana kita membahs kepala peruntukan untuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Lim Kit Siang: Saya secara untuk sebut, saya tidak akan masuk dengan detail, bagaimana perkara ini akan ada kena-mengena mengenai usaha-usaha perpaduan negara dan selepas itu sekarang peraturan ialah bahagian buka untuk public share 30% perlu dihadkan dan jumlahnya ialah 51%.

Saya harap bahawa perkara seperti ini kalau kita sebenarnya mahu mengadakan hubungan baik perpaduan negara patutlah dikaji semula, janganlah kita teruskan menebalkan dan bukan mengurangkan perbezaan rakyat antara bumiputera dan bukan bumiputera. Kalau tidak sehari kita pergi pasar mungkin kita akan hadapi dengan ikan-ikan bumiputera dan ikan-ikan bukan bumiputera atau sayur bumiputera dan sayur bukan bumiputera. Adakah ini trend yang kita bertindak, arahan yang kita jalankan.

Tuan Pengerusi, yang sepatutnya atau yang sebetulnya dalam forum-forum antarabangsa kita ada mengutuk dasar-dasar racist apartheid South Africa, janganlah kita membenarkan sesiapa satu hari dalam forum antarabangsa lain-lain negara mengkritik kita oleh kerana kita ada polisi apartheid dalam negara kita sendiri.

Tuan Pengerusi, bahagian akhir dalam Perpaduan Negara ialah satu perkara yang mengancam perpaduan negara ialah masalah polarisasi agama dan inilah satu perkara yang belum mendapat perhatian serius oleh pihak Kerajaan.

Sungguhpun ada jaminan dalam Perlembagaan bahawa Malaysia ialah sebuah State secular dan sebuah Islam State, sungguhpun Islam ialah agama

rasmii tetapi rakyat yang bukan Islam adalah bertambah khuatir mengenai kedudukan mereka, mengenai kebebasan mereka khususnya dengan proses Islamisasi, dengan proses dan seruan-seruan pemimpin-pemimpin Kerajaan bahawa negara ini ialah sebuah negara Islam dan lain-lain. Dan pun oleh kerana masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia yang bukan Muslim apabila mahu mendirikan tempat-tempat worship mereka tidak bantah, apabila ada pembinaan masjid-masjid atau surau-surau tetapi mereka tentulah ada hak tempat-tempat worship mereka sendiri dan menghadapi susah besar apabila mahu memohon mendapat tanah untuk mendirikan places of worship, dan apabila rumah-rumah kediaman ditukar sebagai places of worship mereka menghadapi embarrassment, itulah masalah-masalah yang menimbulkan grievances mengenai kedudukan agama dan saya rasa ini satu perkara yang patut mendapat perhatian yang serius. Masalah-masalah kegunaan tanda palang dalam bangunan-bangunan, masalah-masalah partial band, Christian, Al-kitab dalam bahasa Indonesia semua patutlah dapat perhatian yang serius. Sebab itu saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh bersetuju dengan mengadakan satu Inter Religious Council di mana semua masalah-masalah agama yang berbeza ini boleh dapat satu penyelesaian dan untuk mendapat satu persefahaman antara agama.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mahu sebut mengenai PETRONAS di bawah Jabatan Perdana Menteri. Antara OBAs yang terkaya sekali, terkuat sekali ialah PETRONAS dan boleh kata kedudukan kekayaan itu setanding dengan Kerajaan dan perkembangan-perkembangan PETRONAS baru-baru ini memperkuatkan concern orang ramai bahawa Kerajaan menggunakan PETRONAS, yang pertama, untuk

mengelakkan public accountability dalam pengurusan, penjagaan wang rakyat; dan yang kedua, untuk menyelamatkan operasi Kerajaan yang sudah gagal dan pun untuk menyembunyikan apa yang berlaku daripada mata rakyat.

Contoh yang notorious, dengan izin, ialah bailing out dan pembelian Bank Bumiputera dan pinjaman luput BMF \$2.5 billion, satu tindakan yang tidak sah dan perlu dapat retrospective legislation apabila dicabar oleh DAP dalam mahkamah. Tindakan kedua, PETRONAS yang sangat dubious, Tuan Pengerusi, ialah pembelian yang dicadangkan oleh PETRONAS, Dayabumi \$313 juta daripada UDA supaya UDA yang menghadapi kerugian \$100 juta dalam 10 tahun awal operasinya boleh diselamatkan.

Tindakan yang ketiga yang dubious, Tuan Pengerusi, oleh PETRONAS ialah mengenai pembelian Boeing 747 dan untuk menyewakan kepada MAS dengan tujuan untuk mengelakkan satu kes undang-undang breach of contract daripada Rolls Royce dan pun untuk mempertahankan ratio debt equity MAS apabila menjadi public company.

Di sini peguam petroleum Malaysia V.K. Moorthy yang ada pertama yang berkata bahawa operasi PETRONAS ialah ultra vires apabila mengadakan operasi luar bidang petroleum termasuk pembelian Bank Bumiputera dan beliau benar pun ada kata bahawa pembelian dan menyewa Boeing 747 kepada MAS pun ultra vires, sungguhpun ada pindaan baru kepada Petroleum Development Act dan saya bersetuju, tetapi sekarang saya tidak mahu bincang sama ada sah, tidak sah atau oleh kerana mungkinlah Kerajaan rasa kalau tidak boleh datang ke Parlimen lagi untuk mendapat retrospective legislation untuk sahkan apa yang tidak sah dengan majoriti yang tidak begitu berfikir, tetapi apa

yang mustahak ialah Kerajaan patut memberitahu kepada rakyat apakah siri perkembangan yang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk sebentar! Dalam meneliti maksud Bekalan ini, saya tidak langsung ternampak mana-mana jumlah wang yang diperuntukkan untuk PETRONAS. Jadi saya hairan juga bagaimana Yang Berhormat dapat butiran untuk membangkitkan tentang dasar perkhidmatan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah PETRONAS di bawah Jabatan Perdana Menteri dan saya percaya Yang Berhormat Menteri ada di sini untuk tunggu dan ada pegawai-pegawai PETRONAS di sini dan saya percaya mereka tidak datang ke sini untuk buang masa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak payah tanya Menteri, saya pun tahu bahawa PETRONAS di bawah.

Tuan Lim Kit Siang: Tahu, bolehkah saya teruskan?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Yang di-Pertua meminta kerjasama Yang Berhormat agar sebagai Ketua Pembangkang yang berpengalaman, tempat yang juga menjadi tempat kita mencari pedoman, bagi mengendalikan perjalanan Dewan ini supaya baik dan sempurna. Sebagai Ketua Pembangkang yang telah lama berkhidmat dengan Parlimen, Yang Berhormat tentu sedar bahawa kita sekarang berada di peringkat Jawatkuasa, dalam mana kita membahaskan peruntukan-peruntukan yang diminta di bawah

perkhidmatan-perkhidmatan tertentu. Tadi saya terdengar Yang Berhormat Yang di-Pertua memberi kelonggaran kepada Yang Berhormat. Jadi saya pun mintalah jangan pula Yang Berhormat keterlaluan. Jadi sila Yang Berhormat teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, terima kasih. Dan apa yang saya mahu tahu dan rakyat mahu tahu tadi ialah perkembangan-perkembangan yang mewujudkan pembelian atau deal engine Pratt & Whitney, Kerajaan patut tahu bahawa ada tuduhan-tuduhan bahawa adalah kickback US\$5 juta yang bersabit dalam perkara ini yang melibatkan seorang Menteri Kabinet dan untuk national integrity antarabangsa, deal ini, negara ini, Kerajaan kita, saya rasa perlu satu siasatan terbuka untuk diadakan dalam perkara ini.

Dan perkara yang keempat, perkara PETRONAS yang dubious ialah mengenai kelulusan yang diberi kepada.

Tuan Pengerusi: PETRONAS kepala peruntukan berapa Yang Berhormat? Kod, program, aktiviti, butiran.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya rela bila-bila membantu tetapi saya harap bahawa Pengerusi pun boleh membantu Ahli-ahli Parlimen dalam menjalankan tugas dan bukan ada apa-apa terperangkap. Di sini Maksud PETRONAS ialah di bawah, saya tahu mungkin ada satu pertanyaan ini dan saya sudah siap sedia—Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri—Maksud Bekalan 7 di mana ada Unit Kemajuan Petroleum yang ada bersangkutan paut dengan Petroleum, PETRONAS dan lain-lain. Bolehkah saya teruskan?

Tuan Pengerusi: Tetapi tidak ada wang yang diminta untuk tahun 1986 Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ada kemajuan Petroleum, yang ada jaga PETRONAS.

Tuan Pengerusi: Sila, kalau begitu tajuknya, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:
Point of order.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, silakan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Peraturan Mesyuarat 66 (12). Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri yang meminta bercakap oleh kerana peruntukan ini dan memang jelas di sini melainkan kewangannya ada dibuat, dengan izin, for which the money is to be provided and shall not deal with the details of expenditure. Jadi sekiranya tidak ada kewangan seperti yang telah diterangkan oleh Tuan Pengerusi tadi, jadi tidak seharusnya dibahaskan. Saya harap Tuan Pengerusi dapat membuat ruling yang tetap.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, adakah Yang Berhormat Menteri bererti bahawa PETRONAS tidak di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:
Itu masalahnya lain.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah masalahnya.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Kalau di dalam general debates kita boleh bahas, kerana ini memang di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Ha!

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tetapi sekarang kita tidak di dalam general debates, tetapi kita di dalam Jawatankuasa yang mana Peraturan Mesyuarat 66 (12) ini sebenarnya dikuatkuasakan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya sudah sebut Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Saya kira bahas bukan untuk peruntukan untuk PETRONAS yang tidak ada, oleh kerana PETRONAS sudah menjadi satu badan yang tidak boleh dikawal dengan wang rakyat tetapi ada kumpulan, ada unit dalam Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab. Dan saya hairan Yang Berhormat Menteri yang tahu mahu main-main supaya elak daripada accountability. Inilah satu sikap yang tidak bertanggungjawab, satu sikap yang patut dikutuk.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tadi saya diminta membuat keputusan. Keputusan saya ialah oleh kerana tidak ada wang yang diminta untuk diberi kepada PETRONAS maka saya memutuskan PETRONAS tidak boleh dimasukkan di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Sila teruskan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu sebut bukan PETRONAS tetapi kelulusan yang diberi oleh Kerajaan, oleh Jabatan Perdana Menteri dan inilah kalau kita tengok bukan sahaja Tuan Pengerusi, buku orange ini, tengok buku pink ini pun ada lebih butir-butiran yang lebih lanjut mengenai kemajuan petroleum. Di sini saya mahu sebut mengenai kemajuan petroleum oleh kerana keputusan dasar-dasar petroleum, kalau dalam Committee stage kita tidak boleh bahas, saya rasa Parlimen sudah cuai besar, maha cuai dan Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab, adakah ini tanggungjawab, peranan, fungsi, saya rasa lebih bertanggungjawab nampak

itu, dengan izin, state to soon. Sebenarnya Tuan Pengerusi, bolehkah saya teruskan.

Tuan Pengerusi: Ya, sekiranya sesuai dengan Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, terima kasih, dan di sini perkara yang saya sebutkan ialah kelulusan yang diberi oleh Kerajaan untuk pembelian kilang penapis atau refinery daripada Peranchis, itu masalah petroleum. Kenapa diberikan apabila PETRONAS, semua pegawai-pegawai PETRONAS objek besar tetapi Kerajaan luluskan. Saya rasa inilah kita mahu satu jawapan khasnya apabila kita tahu bahawa masalah keuntungan pengilang-pengilang penapis sudah jatuh, ada beberapa over capacity di dunia bahawa pasaran minyak begitu bleak khasnya apabila ada forecast, ada perang harga oil price war sehingga minyak akan jatuh kepada US\$20 tahun hadapan. Kenapa Kerajaan meluluskan projek ini?

Ada kekhuatiran bahawa projek ini yang akan berbelanja \$1.2 bilion akan menjadi satu kegagalan yang besar dan akhirnya PETRONAS akan disuruh untuk selamatkan dan \$1.2 bilion lagi akan hangus. Ini kita kata tidak patut, bahawa dasar Jabatan Perdana Menteri patut menganggap PETRONAS sebagai satu, dengan izin, fat cow to be milked flap and flip untuk mewujudkan segelintir jutawan bumiputera baru, kalau mahu through entrepreneurship dan bukan recklessness, bukan dengan tidak bertanggungjawab.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya harap bahawa dalam Dewan yang mulia ini peluang yang berpatutan diadakan untuk Ahli-ahli Parlimen berucap khasnya dari Parti Pembangkang. Bukan oleh kerana suara Parti Pembangkang tidak sedap, isu-isu yang dikemukakan oleh Parti Pembangkang tidak seronok tidak mahu dengar, itu peranan Parlimen.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Saya hendak tanya Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat orang yang pertama sekali diberi peluang membahas Ucapan Belanjawan dan berapa lama Yang Berhormat berucap, ketika itu adakah sesiapa yang menahan Yang Berhormat atau menghadkan masa Yang Berhormat ketika itu dan tidakkah Yang Berhormat merupakan orang yang pertama hari ini dan siapa pula yang menghadkan masa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Saya berterima kasih bahawa saya diberi peluang yang pertama untuk berucap, tetapi dalam B. 1—Parlimen, saya menganggap nampaknya ada tendency untuk safeguard bidang-bidang, tempat-tempat yang sepatutnya menjadi tajuk perbincangan. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri satu contoh yang baik. Dia berani berdiri di sini dan bercakap bahawa PETRONAS tidak sangkut paut dengan Jabatan Perdana Menteri. Ini satu tanggungjawab yang cuai besar.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Untuk penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu main-main.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya kata tadi, memang PETRONAS ini letak di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri tetapi kita membincangkan fasal perbahasan; saya kata dalam Jawatankuasa ini kita terikat dengan Peraturan Mesyuarat 66 (12) dan ini telah dirujuk oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Kita bukan dalam Majlis di mana kita ada dalam 'general debate'. Itu sahaja yang saya sebutkan tetapi jelas Yang Berhormat dari Kota Melaka ini seorang wakil yang selalu memutar belitkan kenyataan (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, orang yang mahu mencegah saya bercakap mengenai PETRONAS ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Tentu dalam Jawatankuasa ialah tempat untuk membincang PETRONAS oleh kerana kalau PETRONAS di bawah pentadbiran, jagaan Jabatan Perdana Menteri ada orang yang menjalankan tugas itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang pertama di bawah emolumennya pun boleh bincang PETRONAS. Unit Khas.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:
On a point of order.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:
Tuan Pengerusi, saya hendak bacakan Peraturan ini yang saya hendakkan Tuan Pengerusi membuat ruling:

“66 (12) Berkenaan dengan masalah “Iaitu wang sejumlah \$. untuk kepada jadi sebahagian daripada jadual” perbincangan hendaklah dihadkan kepada dasar khidmatan yang hendak diuntukkan wang itu dan tidak boleh mengenai butir-butir perbelanjaan, tetapi boleh menyebutkan butir-butir.”

Jadi, kita sudah bersetuju tadi. Tuan Pengerusi, sudah membuat ruling mengatakan PETRONAS tidak ada peruntukan di sini walaupun kita kata ada Unit Penyelarasan tetapi ini tidak dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya harap sekali lagi kita betul-betul menghormati Peraturan ini dan perjalanan perbincangan kita dengan kita sendiri, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, menghormati Dewan ini (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Saya menghormati keputusan Tuan Pengerusi.

Dr Tan Seng Giaw: On a point of order.

Tuan Pengerusi: Berapa?

Dr Tan Seng Giaw: 66 (12).

Tuan Pengerusi: 66 (12).

Dr Tan Seng Giaw:
. mengenai PETRONAS dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Jadi, salah satu program Unit ini ialah meneruskan Program Aktiviti di dalam pengawasan pentadbiran dan projek-projek industri petroleum yang dijalankan oleh syarikat-syarikat minyak termasuk PETRONAS di dalam menentukan dasar-dasar yang sesuai supaya ianya dapat memenuhi kehendak masyarakat. Jadi, inilah termasuk Syarikat PETRONAS. Banyak syarikat lagi boleh disebutkan asalkan industri petroleum yang dijalankan oleh syarikat-syarikat minyak.

Tuan Lim Kit Siang: Saya teruskan.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Peraturan Mesyuarat atau minta jalan?

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: On a point of order 44 (1).

Tuan Pengerusi: 44 (1).

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya rasa Tuan Pengerusi telah membuat keputusan daripada tadi lagi. Jadi, setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seorang yang berdegil-degil menyebabkan perkara itu tidak ada kena-mengena.

Tuan Pengerusi: Kena-mengena.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tidak ada kena-mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutnya hujah sendiri dan hujah Ahli-ahli lain dalam mesyuarat perbahasan, boleh memerintahkan Ahli itu suruh berhenti bercakap, itu saya minta.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, dua Peraturan Mesyuarat telah dibangkitkan, 44 (1) dan 66 (12). Mengenai Peraturan Mesyuarat 66 (12), saya telah memutuskan tadi. Sambil saya sedar bahawa dalam masalah yang kita hadapi ini garis penentuan tentang apakah yang harus dibahas dan apakah yang tidak harus dibahas adalah kadangkala kabur. Namun, bila ianya keterlaluan hilanglah kekaburan itu maka nyata apa yang boleh dibahas dan apa yang tidak boleh dibahas. Yang saya mengharapkan ialah supaya Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang memahami dan membantu Dewan ini memelihara kesempurnaan perjalanannya.

Sekarang Peraturan Mesyuarat 44 (1) telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Peraturan Mesyuarat 44 (1) senantiasanya ada di dalam pemikiran saya, tetapi dengan semangat yang diseru oleh Ketua Pembangkang supaya diberi ruang membahas, kita longgarkan. Akan tetapi, sekiranya Yang Berhormat Ketua Pembangkang masih terus mahu keterlaluan selepas ini saya akan menggunakan Peraturan Mesyuarat 44 (1). Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya boleh nyatakan di sini kesempurnaan Dewan yang mulia ini diancam bukan daripada saya atau pihak kita. Kalau ada yang mengancam ialah orang-orang yang selalu berdiri yang mahu mewujudkan satu keadaan tetapi satu point yang

saya mahu berbalik saya rasa sangat mustahak ialah PETRONAS. Peruntukan PETRONAS tidak ada, ada peruntukan untuk satu Jabatan Perdana Menteri khususnya satu unit untuk mengawal perjalanan PETRONAS.

Bagaimana kita boleh membincangkan perkhidmatan Unit ini, tanggungjawabnya, tugasnya ialah menentukan bahawa PETRONAS tidak menyeleweng daripada tujuannya kalau kita tidak boleh sebut atau bincang apa-apa hal yang berkait dengan PETRONAS? Tetapi apa yang sangat mustahak ialah saya sangat terperanjat, saya tidak hairan Yang Berhormat dari Pasir Puteh selalu berdiri dan cakap apa yang sia-sia sahaja, apa yang saya sangat terperanjat ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang saya hormat, berdiri dan berkata bahawa perkara PETRONAS di luar daripada lengkungan perbincangan Parlimen termasuk Jawatankuasa. Saya rasa Yang Berhormat dari Kepong sudah ada baca dan Perbendaharaan ada menyatakan tugas-tugas Unit itu. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak tahu, ada dua alternatif sahaja; Yang Berhormat Menteri tidak tahu langsung mengenai tanggungjawab Kementerian sendiri dan kalau begitu saya sangat terperanjat seorang yang begitu tinggi tarafnya tidak faham so basic mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri dan kalau begitu ia tahu dan saya percaya dia tahu, dia sengaja, dengan izin, mislead the House, Parlimen dan Dewan ini dan saya mahu tanya apa tujuan mahu mislead bukan sahaja Dewan ini, mahu mislead rakyat jelata bahawa PETRONAS bukan tanggungjawab Parlimen, bukan tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Apa tujuan jahat?

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr

James P. Ongkili: On a point of order, Tuan Pengerusi. Rakan saya dari Jabatan Perdana Menteri selama saya duduk di sini mendengar, to be fair, dengan izin, tidak ada menyatakan yang PETRONAS bukan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Betul!

Dato' Dr James P. Ongkili: Tidak ada mengatakan, dan beliau juga tidak ada menafikan yang PETRONAS itu adalah di Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Jadi beliau cuba mengatakan bahawa tidak perlu pergi kepada detail.

Tuan Lim Kit Siang: Itu penjelasan, bukan point of order. Saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat minta jalan atau membangkitkan Peraturan Mesyuarat?

Datuk Dr James P. Ongkili: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau penjelasan, saya tidak beri jalan. Kalau Yang Berhormat Menteri sendiri tidak boleh jelaskan, mahu bantu S.O.S. daripada rakan, itulah masalah besar! Yang Berhormat Menteri tidak kata bahawa PETRONAS tidak di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi dia cuba mengganggu, menghalang satu perbincangan mengenai PETRONAS. Itu yang kenyataan, kenapa? Adakah perkara-perkara yang takut diketahui dan mahu disembunyikan? Saya percaya dia sendiri mahu minta penjelasan, saya beri jalan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Pengerusi, saya minta ruling daripada Tuan Pengerusi. Kalau Tuan Pengerusi membenarkan, saya menghormati keputusan itu; kalau Tuan Pengerusi tidak membenarkan, saya juga menghormati keputusan itu. Saya memang tidak berhak hendak

menghalang Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan saya telah katakan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka memang seorang Wakil yang selalu mengelirukan Dewan. Ini juga diterima.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang kita dikelirukan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri!

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Point of order!

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, point of order.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Peraturan Mesyuarat 36 (6).

Tuan Pengerusi: Ya, 36 (6).

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menuduh seorang daripada Ahli Dewan ini telah mengatakan tujuan jahat, katanya tadi. Perkataan ini ada dia sebut tadi, apabila Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada menyebut bahawa yang perbincangan sekarang ini tidak lagi berkehendakkan butir-butir kepada PETRONAS dan dia mengatakan seolah-olah Jabatan Perdana Menteri ini tidak mengakui yang PETRONAS di bawah Jabatannya. Jadi akhirnya dia kata apakah ini tujuan jahat, ini adalah menyalahi Peraturan Mesyuarat 36 (6). Pohon dapat ruling.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan saya telah diminta mengenai Peraturan Mesyuarat 36 (6) mengenai pertikaman lidah yang telah berlaku di antara Yang Berhormat Ketua Pembangkang dengan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Setakat ini apa yang saya dengar adalah semata-mata dakwaan dan dakwaan dalam siasah dan tidak lagi apa-apa sangkaan jahat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya haraplah bahawa Yang Berhormat Menteri dan rakan-rakannya pada masa hadapan mengadakan satu sikap yang lebih bertanggungjawab, bantu perbincangan dan bukan cuba untuk ganggu atau mahu mengelirukan Tuan Pengerusi kita supaya Dewan yang mulia ini tidak bincang perkara yang patut dibincang. PETRONAS ialah perkara yang kita patut bincang, kalau kita tidak bincang, kita cuai. Kita Ahli-ahli Parlimen pihak DAP tidak mahu cuai, kalau pihak Barisan Nasional mahu cuai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kemaman.

5.06 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 28, Maksud Bekalan 3, mukasurat 27, Butiran (3) iaitu Mengaudit kira-kira Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan dan berbagai Kumpulanwang.

Tuan Pengerusi, apa yang sebenarnya yang hendak saya bangkitkan di sini iaitu masalah yang dihadapi oleh Jabatan Audit untuk mengaudit badan-badan berkanun. Masalah yang saya maksudkan ini ialah masalah kemampuan Jabatan Audit itu sendiri untuk memeriksa dan mengaudit badan-badan berkanun yang telah bertambah dari tahun ke tahun.

Tuan Pengerusi, mengikut perangkaan yang ada pada saya iaitu dalam tahun 1975 Pejabat Audit Negara hanya bertanggungjawab memeriksa akaun bagi 52 buah badan-bahan berkanun tetapi sehingga tahun 1980 jumlah badan-badan berkanun ini telah bertambah kepada 80 buah kesemuanya. Tetapi dengan lulusnya Akta Badan-badan Berkanun oleh

Parlimen kita pada bulan Ogos 1980 yang lalu di mana Akta ini mewajibkan semua badan-badan berkanun mengemukakan akaun-akaun mereka kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit, maka terdapat sebanyak 15 buah lagi badan-badan berkanun yang pada mulanya ataupun yang pada asalnya akaun-akaun mereka ini diaudit terus oleh firma-firma audit swasta, telah ditambahkan kepada senarai badan-badan berkanun yang kena diaudit terus oleh Jabatan Audit Negara. Ini bermakna jumlah badan berkanun sudah menjadi 95 buah kesemuanya iaitu pertambahan sebanyak kira-kira 40%.

Tuan Pengerusi, ini tidak termasuk badan-badan di bawah Kerajaan Negeri seperti Lembaga-lembaga Kerajaan Tempatan dan juga lain-lain Majlis Daerah dan juga akaun-akaun Kumpulanwang yang mesti disahkan oleh Jabatan Audit, yang berjumlah kira-kira lebih kurang 450 kesemuanya.

Tuan Pengerusi, 95 buah badan-badan berkanun yang saya sebutkan sebentar tadi mempunyai lebih kurang 1,450 cawangan kesemuanya yang mengendalikan kira-kira di mana cawangan-cawangan ini mestilah dilawati oleh Pegawai-pegawai Audit sama ada secara tahunan ataupun secara pusingan mengikut jurusan masing-masing. Dari jumlah 95 buah ini, 54 buah adalah diperiksa terus oleh Ibu Pejabat Audit Negara, 15 buah oleh Pejabat Cawangan-cawangan di negeri-negeri di mana Ibu Pejabat badan-badan berkanun yang berkenaan itu berada dan sementara 26 buah lagi diperiksa akaun mereka oleh juruaudit swasta yang dilantik oleh Jabatan Audit Negara. Ini bermakna, Tuan Pengerusi, sekarang ini terdapat sebanyak 69 buah badan berkanun yang mesti diaudit oleh Jabatan Audit secara langsung.

Saya telah difahamkan bahawa daripada 69 buah badan berkanun yang berkenaan ini, ianya mengandungi sebanyak kira-kira 83 akaun kesemua, Tuan Pengerusi. Jadi, ini adalah merupakan tugas dan beban yang sedang dipikul oleh Jabatan Audit Negara sekarang ini.

Tuan Pengerusi, saya juga telah difahamkan bahawa untuk menyiapkan kerja-kerja audit bagi akaun-akaun yang saya sebutkan tadi sebanyak 69 buah kesemuanya, ianya memerlukan kira-kira 292 kakitangan di peringkat pegawai yang berkelayakan dan berpengalaman. Ini termasuklah juruaudit kanan, juruaudit biasa, pemeriksa kira-kira tertinggi, pemeriksa kanan dan pemeriksa kira-kira biasa.

Mengikut perangkaan yang ada pada saya sehingga Julai, 1985, terdapat hanya 215 kakitangan sahaja di Jabatan Audit sekarang. Ini bermakna ianya mengalami kekurangan seramai 77 kakitangan. Sungguhpun 37 jawatan telah pun diluluskan tetapi ianya masih lagi belum diisi.

Perlu ditegaskan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa jumlah kakitangan yang diperlukan ini hanyalah bagi maksud memeriksa akaun sahaja iaitu memeriksa untuk memberi sijil bahawa akaun-akaun yang berkenaan dibuat betul mengikut prinsip-prinsip perakaunan. Tetapi Tuan Pengerusi, semenjak tahun 1978 lagi dengan pindaan Akta Audit pada ketika itu, skop dan bidang tugas audit telah diperluaskan lagi di mana ianya memerlukan pihak audit memeriksa bukan sahaja kira-kira tetapi juga prestasi perbelanjaan sama ada ianya digunakan secara jimat-cermat ataupun tidak, sama ada perbelanjaan ini dijalankan secara membazir ataupun tidak, sama ada ianya mengikut program ataupun tidak dan sama ada ianya diuruskan dengan

cekap ataupun tidak dan sebagainya. Tambahan pula, Tuan Pengerusi, audit secara komprehensif telah diperkenalkan yang bertujuan untuk mengeluarkan satu laporan audit yang lebih lengkap dan lebih bermakna lagi. Jadi, Tuan Pengerusi, sekiranya audit prestasi dan komprehensif ini kena dijalankan oleh pihak Jabatan Audit, maka ianya memerlukan tambahan kakitangan kira-kira seramai lebih kurang 17 orang lagi di peringkat tinggi.

Tuan Pengerusi, masalah kekurangan tenaga kerja di Bahagian Audit Kira-kira Badan-badan Berkanun, ini telah menjadi lebih membebaskan lagi dengan adanya kebanyakan daripada kakitangan yang sedia ada ini terdiri daripada mereka yang kurang pengalaman. Daripada jumlah 215 kakitangan yang saya sebutkan tadi yang ada sekarang hanyalah 23 sahaja terdiri daripada pegawai ikhtisas iaitu juruaudit dan ke atas, dari mana 9 daripadanya ialah juruaudit sementara yang pengalaman mereka kurang daripada satu tahun. Sementara baki seramai 192 lagi adalah terdiri dari pegawai-pegawai separa ikhtisas, iaitu pemeriksa kira-kira tertinggi dan ke bawah di mana 41 adalah pegawai-pegawai dalam percubaan dan 13 lagi adalah terdiri daripada pegawai-pegawai sangkut.

Tuan Pengerusi, dengan keadaan kekurangan ini, pihak Jabatan Audit pula menghadapi masalah di mana badan-badan berkanun yang tidak mengemukakan akaun mereka masing-masing untuk diaudit dalam tempoh masa yang ditetapkan ataupun mengemukakannya dalam keadaan yang tidak lengkap dan tidak boleh diterima untuk diaudit. Jadi, keadaan ini telah menyulitkan bagi pihak audit untuk menyelesaikan masalah segala kerja-kerja audit dalam masa yang dijangka.

Tuan Pengerusi, sunggupun kedudukan ini telah bertambah baik dalam tahun 1984 dan 1985 tetapi masih terdapat akaun-akaun badan-badan berkanun yang terkebelakang, misalnya, Tuan Pengerusi, mengikut perangkaan yang ada pada saya, pada tahun 1980, akaun-akaun yang terkebelakang ialah 2, 1981 dia bertambah menjadi 4, 1982 menjadi 8, 1983 menjadi 18, daripada tahun 1984, pada tahun lepas menjadi 74 kesemuanya akaun-akaun yang terkebelakang.

Tuan Pengerusi, dengan gambaran ringkas yang saya berikan sebentar tadi menunjukkan bahawa Jabatan Audit telah dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna oleh kerana masalah kekurangan kakitangan yang dialami dan sedang dihadapi oleh mereka. Jadi, izinkan saya, Tuan Pengerusi, mengambil kesempatan ini untuk memberi tiga cadangan kepada pihak Kerajaan supaya dapat mengatasi masalah ini.

Cadangan pertama, Tuan Pengerusi, ialah tidak lain tidak bukan, Kerajaan hendaklah mengambil langkah segera untuk mengisi kekosongan jawatan yang ada sekarang dan menambahkan lagi jumlah kakitangan sebagaimana yang diperlukan oleh Jabatan Audit.

Cadangan saya yang kedua, Tuan Pengerusi, iaitu Jabatan Audit sendiri hendaklah diberi kuasa untuk mengambil dan menambah sendiri jumlah kakitangan yang dikehendaki. Saya membuat cadangan begini, Tuan Pengerusi, oleh kerana memandangkan pada hari ini sunggupun pihak audit diberi kuasa untuk mengaudit akaun-akaun badan-badan berkanun tetapi kuasa untuk menambah bilangan kakitangan adalah terletak pada pihak yang lain, satu badan yang berlainan, Tuan Pengerusi, iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kadang-kadang permohonan

untuk menambah bilangan pegawai ini tidak diluluskan. Ini telah menimbulkan banyak masalah.

Jadi sehubungan dengan ini saya juga suka mengesyorkan di sini supaya satu badan perlu ditubuhkan iaitu badan yang boleh diberi nama sebagai Lembaga Audit ataupun Audit Board, dengan izin, Tuan Pengerusi. Audit Board ini telah pun diperkenalkan di negara Jepun dan Korea dan didapati ianya paling berkesan sekali untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak audit sekarang ini.

Cadangan saya yang ketiga, Tuan Pengerusi, ialah jika sekiranya cadangan yang pertama dan kedua itu tidak dapat dipertimbangkan, tidak lain tidak bukan ialah kita swastakan sahaja kerja-kerja untuk mengaudit badan-badan berkanun ini kerana pada hari ini kita telah pun menyerahkan 36 akaun badan-badan berkanun ini untuk diperiksa oleh pihak swasta. Ini terserahlah kepada Kerajaan untuk memberi pertimbangan kepada cadangan-cadangan yang saya berikan. Saya rasa itulah sahaja, Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.20 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya bangun untuk membahaskan B. 1 iaitu Maksud Bekalan 1—Parlimen, Butiran 1.1. dan 1.2.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Parlimen ini saya berasa bangga dan mengucapkan tahniah kepada Tuan Pengerusi yang mana pembaharuan telah berlaku. Apa yang ada sekarang ini jauh bezanya dengan yang sudah-sudah kerana di masa lalu tidak ada pembaharuan, boleh jadi oleh kerana

Tuan Pengerusi kita ini adalah seorang pencinta alam iaitu kita terdapat mini-zoo, rusa dan merak ada di sana, rusa daripada 6 ekor yang dibawa dari Indonesia dahulu sekarang sudah menjadi 10 ekor, bertambah 4 ekor.

Pagar Parlimen juga telah berubah. Sebagaimana 10 tahun yang silam, saya ada menyarankan supaya pagar itu dibuat untuk menjaga keselamatan. Pada masa itu berlaku di sana bunyi bom, di sini bom. Jadi ditakuti Dewan yang mulia ini dibom, maka dibuatlah pagar dawai keras, bukan dawai kecil yang halus itu. Tujuannya saya minta supaya pagar itu disediakan dengan gambar yang timbul daripada simen, diukir-ukirkan menunjukkan perpaduan kaum dan kehidupan rakyat di negara ini.

Syukur al-hamdulillah, pagar itu dibuat pagar besi tetapi Tuan Speaker telah memikirkan satu benda yang lebih baik lagi iaitu sebuah Pintu Gerbang yang sedang dibina sekarang ini. Kalau di sempadan antara Wilayah dan negeri Selangor ada sebuah pintu gerbang, maka di Parlimen ini pun ada sebuah Pintu Gerbang. Insya Allah, tidak lama lagi dapatlah kita saksikan apabila Pintu Gerbang ini telah siap nanti. Demikian juga termasuklah alat-alat yang ada baru-baru ini, tempat riadah atau gymnasium di bawah sana. Maklumlah Ahli-ahli Parlimen di dalam keadaan sejuk dan umur pun masing-masing meningkat. Inilah tempatnya untuk riadah supaya Ahli-ahli Parlimen berjalan darahnya. Syukur al-hamdulillah, dengan itu ada orang yang perutnya besar sudah mulai Kempis sedikit, yang berat sudah mula beransur ringan.

Perkara yang saya gembira sekali ialah berkenaan dengan pokok-pokok yang begitu subur telah ditanam keliling Parlimen. Kalau kita lihat Parlimen di London di tepi Sungai Thames itu tempat minum, begitu juga United Nations di tepi sungai, tetapi

kita di pinggir bukit. Jadi dapatlah disesuaikan dengan pokok-pokok hijau.

Pada diri saya, saya terasalah yang pokok petai yang saya bawa dari Batang Padang telah hidup dengan subur. Pada masa 10 tahun akan datang, nampaklah buah petai, tetapi buat hiasan indah sahaja, bukan untuk dimakan kerana baunya tak berapa sihat.

Tuan Pengerusi, kita tengok juga kerusi-kerusi di lobi sudah cantik. Pada masa akan datang, selepas Parlimen bersidang, sessi akan datang mungkin pula ditambah kerusi Dewan ini daripada 154 ditambah 23 buah kerusi lagi menjadi 177 buah kerusi. Inilah tanda peralihan dan kebaikan yang ada di Parlimen ini yang kita dapat saksikan sekarang.

Begitu juga, terlebih dahulu saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Jabatan Parlimen, khususnya kepada Tuan Speaker, Setiausaha Dewan Rakyat dan pegawai-pegawainya, terutama sekali Bahagian Pemberita Rasmi yang telah bekerja keras untuk menyiapkan Laporan Mesyuarat untuk bacaan dan rujukan Ahli-ahli Parlimen. Sekali lagi saya berikan tahniah dan pujian kepada Bahagian *Hansard* ini.

Saya perhatikan semasa saya menghadiri mesyuarat United Nations dahulu, laporan disiapkan pada keesokan harinya, siap dengan naskah bercetak sekali atau "printed *Hansard*", dengan izin. Begitu juga semasa lawatan di England, semasa saya menghadiri CPA Conference, Tuan Pengerusi. Percetakan *Hansard* ini adalah cantik dan standard. Mutu *Hansard* kita ini sama dengan di England dan United Nations dan negara-negara maju yang lain. Cuma perbezaannya ialah "printed *Hansard*" atau Penyata Rasmi bercetak yang siap, naskah bercetak itu lambat

diterima, walaupun sudah ada kemajuan yang dibuat sekarang. Ini ialah kerana adanya alat-alat moden yang digunakan sekarang ini, apa yang dikenal sebagai komputer.

Saya ingin menyarankan di sini supaya Jabatan Percetakan Negara diberi alat-alat komputer moden itu yang saya percaya tidak sampai \$1 juta ataupun lebih sedikit harganya. Dengan adanya komputer itu ia boleh menyiapkan kerja-kerja Parlimen dengan begitu cepat kerana kita telah mencatat satu sejarah dalam sesi ini, dua hari sidang telah diberhentikan. Kemungkinan alat percetakan ini tidak dapat menyiapkan Rang Undang-undang untuk diedarkan.

Tuan Pengerusi, bukan itu sahaja, kerja-kerja dari jabatan lain, misalnya mencetak Anggaran Belanjawan, Laporan Ekonomi, Rang Undang-undang ataupun apa juga bahan cetak boleh dibuat dengan begitu cepat sekali melalui komputer. Tuan Pengerusi, sekarang ini mesin-mesin yang digunakan adalah jenis lama, kebanyakannya cara manual, menggunakan tenaga manusia. Cara-cara ini sudah tidak sesuai lagi di dalam zaman sains dan teknologi yang mencabar sekarang ini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya juga banyak yang hendak saya sebutkan di sini. Saya mohon izin bercakap tentang beberapa perkara yang masih lagi belum dilakukan iaitu mengenai bilik-bilik di Menara yang nampaknya sejak dibuat tidak ada pembaikan. Maklumlah barang sudah lama, barang sudah tua hendaklah diperbaiki. Bangku-bangku pun banyak yang sudah roboh, bilik airnya, paip air tak berfungsi tetapi itu tak mengapa kalau sekadar paip air, tetapi tandas itu apabila telah buang air besar, apabila ditarik tak mahu keluar air dan berbaulah. Kemungkinan itulah sebabnya Ahli-ahli Parlimen kita tak berapa hendak naik ke atas sana tetapi keesokkan harinya barulah diturunkan

balik flush dengan kuasa di sebelah dalam.

Diharap ini mendapat perhatian supaya bilik-bilik air itu dibaiki, bangku-bangku lama, meja-meja lama, paip-paip air yang kadang-kadang ada bentuk paip air di atas untuk mandi bersiram itupun tak berfungsi. Apatah lagi air yang panas dengan yang sejuk itu langsung tak berfungsi, cuma dapat dilihat-lihat sahaja.

Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan dengan kutubkhanah. Kemudahan ini adalah tempat rujukan Ahli-ahli Parlimen membuka buku ibu atau undang-undang ibu di sana. Risalah yang ada di sini adalah amendment atau pindaan sahaja, bolehlah diambil sedikit tetapi buku ibu ada di sana. Eloklah kutubkhanah itu dibuat macam tugas Telefonis kita di sana, menunggu sehingga Parlimen ini tamat barulah mereka balik. Sekarang tidak, di sana pukul empat sudah tutup, kalau pukul lima kita hendak bercakap, hendak berlari ke sana sudah tidak ada peluang, sudah tutup. Saya cadangkan atau syorkan patutlah kutubkhanah itu hendaklah dibuka sehingga sidang Parlimen ini ditangguhkan, barulah mereka, pegawai penjaga kutubkhanah itu balik, barulah mereka boleh keluar atau sama seperti Telefonis yang saya katakan tadi. Perkara ini sangat mustahak.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh berkenaan dengan penerapan nilai-nilai Islam. Kita harap biarlah kita tunjuk contoh daripada Parlimen ini iaitu mengenai satu benda apabila kita naik sahaja di Bangunan Parlimen itu, Pintu Gerbang nampak indah, tetapi banyak orang akan terperanjat apabila naik ternampak sebuah patung ataupun tugu bekas Perdana Menteri kita, tugu YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ada di bawah sana hitam sahaja. Jadi ini tak sesuai lagi dengan imej negara

kita yang hendak menerapkan nilai-nilai Islam. Tugu itu bukanlah tempatnya untuk orang-orang Islam atau pelawat-pelawat Islam dari luar negeri mengatakan ada tugu, bukan tokong, tetapi tugu ada di hadapan Parlimen ini. Kalau dapat biarlah kita ubahkan dengan satu sejarah, batu yang besar diletakkan di hadapan sana. Itu saya pohonkan sekiranya dapat.

Kedua, bahagian penerapan nilai-nilai Islam ini, di Parlimen saya sudah bercakap beberapa kali. Di bangunan menara sana ada sebuah surau, di tingkat 7, tetapi sekarang sudah dijadikan bilik pejabat untuk Timbalan Presiden Dewan Negara. Jadi taraf tempat sembahyang itu akan dijadikan sebuah pejabat akan menjatuhkan taraf tempat orang menaikan tuntutan Ilahi di situ, telah dijadikan pejabat. Kalau dijadikan pejabat tidak apalah, tetapi hendaklah dicari gantinya di tempat yang sesuai di bangunan menara itu supaya senanglah mana orang yang sebelah sana yang tidak hendak turun ke bawah, di sanalah tempat sembahyang di tingkat berapa juga di bangunan menara itu.

Selain daripada itu waktu sembahyang eloklah kita menghormatinya, iaitu sampai sahaja waktu asyar, kita berhenti lebih kurang limabelas minit supaya dapat kita bersama-sama berjemaah dan yang lain-lain itu menghormati waktu, yang tidak dapat sembahyang dan yang uzur, kerana maksud ayat al-Quran, katanya, sesungguhnya sembahyang itu adalah difardukan ke atas orang-orang mukmin pada masa-masa yang tertentu. Jadi masa yang tertentu itu, katalah di Saudi Arabia, di Mekah, di Madinah, di mana-mana juga tempat-tempat yang berhampiran dengan masjid, diberhentikan berniaga, ditutup kedai, tidak berapa lama kemudian kedai itu dibuka balik. Itulah cara orang-orang di sebelah negara-negara Islam menghormati agama, menghormati sembahyang. Apa salahnya kita bagi limabelas minit

waktu sembahyang, bukan lama, tetapi bagi mengikuti, untuk menyesuaikan apa yang dikatakan penerapan nilai-nilai Islam tadi.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya rasa sungguh penting iaitu di belakang Parlimen ini ada tempat riadah yang sangat indah iaitu gelanggang bola tenis. Selain daripada kawasan gymnasium di bawah tadi, ada dua gelanggang tenis di sana sangat cantik buatannya, pada masa dahulu cantik tetapi berair. Tetapi sekarang sudah cantik, air sudah tidak ada. Ahli-ahli Parlimen ini bermain di sebelah pagi. Tetapi pagi panas, kalau dapat di sebelah petang tentu tidak dapat main. Seeloknya selepas sahaja bersidang boleh bermain iaitu selepas maghrib tetapi hendaklah ada lampu. Kalau ada lampu ini banyaklah peminat-peminat dari Ahli Dewan Rakyat main di sana dan selepas itu balik, letih terus tidur, tidak ada lagi main apa-apa dah. Kalau dapat lampu ini dipasang enam, cantik sedikit.

Selain daripada itu di belakang sana terdapat pembaikan sedang dibuat ternampaklah kayu-kayu buruk, timbunan-timbunan tanah yang masih belum diangkut ke luar oleh pemborong-pemborong. Beberapa hari yang sudah, Dato Seri Perdana Menteri kita telah pun berjalan ke belakang dan menangkap gambar dan tentulah aib sedikit, di belakang Dewan sana ada beberapa longgok tanah-tanah dan besi-besi yang belum diangkut. Oleh kerana tugas ini ialah tugas pemborong dan yang boleh menyuruhnya ialah pihak JKR, diharapkan pihak JKR mengarahkan pemborong ini cepatlah mengangkat, janganlah dibiarkan begitu sahaja.

Tuan Pengerusi, saya menyokong supaya pembinaan-pembinaan yang saya nyatakan tadi, peruntukan sebanyak \$14,893,000 juta ini hendaklah dilaksanakan sebagaimana saya nyatakan kalau dapat seperti

lampu, perbaikan tempat-tempat di kawasan menara dan sebagainya. Saya sokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.36 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya hendak menghuraikan beberapa perkara dalam perbahasan saya. Yang pertama, suka saya menarik perhatian kepada mukasurat 28, Maksud Bekalan 4—Suruhanjaya Pilihanraya dan saya ingin membahaskan Butiran 1—Urusan Pilihanraya, 1.2 mengenai Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih.

Mengenai perkara Pendaftaran Pemilih, saya suka menggesa Suruhanjaya Pilihanraya supaya mengkaji dengan serius cadangan kami supaya pendaftaran pemilih dijalankan sepanjang tahun dan tidak menghadkan hanya kepada tempoh 42 hari seperti yang dilaksanakan pada masa kini. Sistem sekarang menghadkan tempoh pendaftaran selama 42 hari adalah tidak mencukupi dan dengan ini ianya menimbulkan berbagai masalah yang mengakibatkan ramai pemilih yang layak dinafikan hak dan peluang mereka untuk didaftarkan. Setiap tahun apabila pendaftaran pemilih dijalankan dalam tempoh 42 hari, kita selalu mendengar tentang kesukaran-kesukaran, aduan-aduan yang dihadapi oleh orang ramai ataupun pemilih-pemilih yang layak yang hendak berdaftar di Pusat-pusat Pendaftaran. Ini kerana tempoh masa ialah dua setengah jam sahaja iaitu dari jam 4.00 petang hingga ke 6.30 petang di Pusat-pusat Statik untuk pendaftaran pemilih dijalankan setiap hari.

Satu lagi masalah biasa ialah kakitangan pendaftaran sering tidak datang tepat pada masanya di Pusat-pusat Statik ini. Ini menghilangkan

minat ataupun menumpulkan minat bakal-bakal pemilih daripada mendaftarkan diri mereka kerana mereka gagal mendaftar di Pusat-pusat Statik ini. Lebih-lebih lagi hakikat bahawa pendaftaran hanya terhad kepada 42 hari tidak memberi peluang yang cukup untuk semua pemilih yang layak didaftarkan. Jika mereka tercicir dalam tempoh 42 hari ini, maka mereka terpaksa menunggu masa sehingga tahun depan untuk berbuat demikian. Apa yang patut dilakukan ialah Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah memaksimumkan tempoh itu bagi memberi peluang semua pemilih yang layak untuk mendaftarkan diri supaya mereka layak mengundi dalam pilihanraya umum dan membantu untuk menentukan masa depan negara kita.

Tidak ada cara yang lebih baik untuk mencapai objektif ini melainkan Suruhanjaya Pilihanraya memperkenalkan sistem pendaftaran pemilih sepanjang tahun dan saya harap bahawa cadangan kami ini akan diberi pertimbangan yang serius oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Jika cadangan ini boleh dilaksanakan ia akan membantu untuk memudahkan lebih ramai pemilih yang layak untuk mendaftarkan diri. Apabila lebih ramai pemilih didaftarkan maka lebih ramai yang dapat mengundi dalam pilihanraya umum dan membantu melaksanakan hak demokrasi mereka bagi menolong menentukan masa depan mereka.

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka beralih kepada muka surat 33 di bawah Maksud Bekalan yang sama dan saya ingin menyentuh Butiran 1.5 Biro Pengaduan Awam.

Beralih kepada Anggaran Belanja Mengurus Biro Pengaduan Awam iaitu satu badan yang sentiasa saya menumpulkan perhatian semenjak beberapa tahun yang lalu adalah diperhatikan bahawa peruntukan yang

dicadangkan untuk tahun 1986 tidak jauh berbeza daripada peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 1985. Walau bagaimanapun, saya tidak ingin menyentuh secara mendalam tentang Anggaran Belanja Mengurus itu, akan tetapi ingin menegaskan semula betapa pentingnya peranan yang patut dimainkan oleh Biro Pengaduan Awam.

Saya pernah membangkitkan sebab-sebab mengapa kuasa Biro ini harus ditambah supaya dapat membolehkannya menjalankan tugas dengan cara yang lebih berkesan. Dalam hubungan ini saya difahamkan perubahan penting telah pun berlaku terhadap Biro ini terutamanya dari segi *modus operandi*, dengan izin, ataupun cara ia bergerak. Perkembangan baru itu adalah sangat menggalakkan kerana dengan adanya nafas baru itu saya harap Biro Pengaduan Awam dapat bersikap lebih positif dengan cara untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan kepadanya dan saya juga mengharapkan bahawa pihak yang berkenaan dapat mencari ikhtiar yang lebih baik untuk meningkatkan prestasinya.

Ingin saya menegaskan di sini bahawa hanya menerusi perubahan positif ini maka barulah orang ramai menaruh keyakinan terhadapnya. Saya merasa sukacita mendapat tahu bahawa Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam sedang digiatkan oleh Pengerusinya. Saya percaya Jawatankuasa ini yang mempunyai kuasa-kuasa yang luas tidak akan teragak-agak menggunakannya dalam keadaan yang memerlukan untuk membolehkan Biro Pengaduan Awam menjalankan tugasnya dengan berkesan dalam membantu mencari penyelesaian kepada masalah rakyat berhubung dengan kelemahan pentadbiran Kerajaan tidak kira sama ada perkembangan dan perubahan yang kini terdapat di dalam Biro berpunca daripada cadangan dan

seruan yang pernah saya suarakan di dalam Dewan ini tetapi yang mustahaknya adalah usaha-usaha seperti ini harus diteruskan untuk mempertingkatkan lagi peranan Biro Pengaduan Awam.

Pada suatu masa dahulu, saya pernah mengesyorkan bagi mengadakan cawangan-cawangan Biro Pengaduan Awam di peringkat negeri. Memandangkan kepada perkembangan yang sedang berlaku di dalam Biro ini, izinkan saya sekali lagi mencadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya dapat menimbangkan penubuhan cawangan Biro di peringkat negeri. Langkah seperti ini akan memperluaskan lagi suatu khidmat kepada rakyat jelata terutamanya kepada golongan di luar bandar, kampung-kampung baru dan bandar-bandar kecil.

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka menyentuh mengenai Butiran No. 2 dan No. 3 yang terkandung dalam muka surat 34 iaitu mengenai Unit Perancang Ekonomi dan juga Unit Penyelarasan Pelaksanaan.

Di dalam buku "Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1986" ini ada disebutkan bahawa tujuan program Unit Penyelarasan Pelaksanaan ialah untuk menentukan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan khususnya Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pandang ke Timur dan lain-lain dan saya suka mengambil kesempatan ini untuk membahaskan sedikit mengenai DEB ini.

Saya mendapati bahawa dalam Unit Perancang Ekonomi ini juga sedang meneliti berbagai aspek Dasar Ekonomi Baru dan akan membantu Kerajaan membuat keputusan mengenai Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990.

Tuan Pengerusi: Sekarang Yang Berhormat terpaksa berhati-hati.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, Kerajaan masih belum memutuskan tentang masa depan Dasar Ekonomi Baru setakat ini hanya oleh kerana hanya tinggal 5 tahun sahaja lagi sebelum ianya tamat tahun 1990, Kerajaan sering mengulangi seruan bahawa objektif Dasar Ekonomi Baru ialah untuk mengurangi ketidak seimbangan antara berbagai masyarakat bagi mencapai keadilan sosial dan perpaduan negara yang terpaksa diteruskan demi kepentingan politik negara dan kestabilan ekonomi.

Memandangkan faktor-faktor bahawa terlalu banyak persoalan yang timbul mengenai Dasar Ekonomi Baru saya berpendapat bahawa Parlimen hendaklah membuat satu kajian yang serius dalam Dasar Ekonomi Baru dan dalam hubungan ini saya mencadangkan bahawa satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen hendaklah ditubuhkan bagi membolehkan Ahli-ahli Parlimen mengkaji semua aspek Dasar Ekonomi Baru dan mengemukakan satu laporan ke Dewan Rakyat untuk dibahas dan diterima.

Jawatankuasa Pilihan apabila ditubuhkan boleh menjalankan kutipan pandangan umum daripada orang ramai mengenai Dasar Ekonomi Baru dan masa depannya dan sama ada perlu atau tidak cadangan Dasar Ekonomi Baru negara digubal.

Jika sebuah Jawatankuasa Pilihan boleh ditubuhkan untuk masalah dadah, saya tidak nampak apa-apa sebab mengapa satu jawatankuasa yang sama tidak boleh ditubuhkan untuk mengkaji Dasar Ekonomi Baru. Dalam saat sekarang apabila Dasar Ekonomi Baru hanya mempunyai tempoh selama 5 tahun lagi untuk dilaksanakan adalah perlu bagi Parlimen membuat penelitian yang mendalam dan menjalankan satu kajian yang menyeluruh ke atas Dasar Ekonomi Baru dengan penyertaan

penuh dari orang ramai bagi memastikan sejauh mana ianya telah mencapai objektif yang telah digariskan untuk mewujudkan perpaduan di negara ini. Apa yang lebih penting ialah Jawatankuasa Pilihan memastikan sama ada janji murni Kerajaan, bahawa Dasar Ekonomi Baru akan dilaksanakan dalam cara yang mana tidak ada satu golongan atau kelompok tertentu akan menghadapi kehilangan atau merasa diketepikan akan ditunaikan dengan jujur. Di atas.

Tuan Pengerusi: Cukuplah itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, mengenai Unit Perancang Ekonomi juga saya suka mencadangkan kepada Unit Perancang Ekonomi bahawa dalam menimbang soal Dasar Ekonomi Baru ia mestilah mengambil juga pertimbangan tentang kemampuan dan aspirasi semua golongan kaum di negara ini sebelum ia merumuskan apa-apa dasar mengenainya.

Adakah perlu ditegaskan di sini bahawa penyertaan semua golongan kaum adalah perlu bagi perumusan apa juga dasar pembangunan ekonomi untuk negara kita yang terdiri dari berbagai kaum kerana dalam analisa terakhir apa juga dasar ekonomi untuk negara digubal ianya mestilah dilihat sebagai satu alat untuk memberi faedah dan menyatukan semua masyarakat dengan tujuan untuk mencapai perpaduan negara.

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka beralih kepada butiran 4.2 mengenai Pasukan Petugas Anti Dadah di mana satu peruntukan \$2.6 juta diminta.

Tuan Pengerusi, Pasukan Petugas Anti Dadah di bawah Jabatan Perdana Menteri mempunyai satu peranan penting yang perlu dimainkan dalam menyelaras dan menggerakkan kegiatan Anti Dadah dan operasi

pelbagai agensi pelaksana termasuk organisasi bukan Kerajaan dalam memerangi ancaman dadah. Dengan penubuhan Pasukan Petugas Anti Dadah ini terdapat satu pendekatan yang lebih menyelaras dalam memerangi masalah dadah dan langkah-langkah yang lebih berkesan boleh disusun untuk membanteras ancaman ini.

Pada masa ini terdapat lebih daripada 108,000 orang penagih dadah di negara ini dan dengan masalah sebegini besar, maka ianya hendaklah diatasi dengan segera. Ancaman dadah tidak hanya diatasi dengan penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat sahaja, walaupun penguatkuasaan berbagai-bagai undang-undang yang ketat, yang memperuntukkan hukuman mati bagi mereka yang terlibat dalam pengedaran dadah, masalah ancaman masih belum dapat diatasi. Jadi kita terpaksa meneliti langkah-langkah pencegahan yang lebih bagi mengatasi masalah dadah ini, kita mesti memastikan bahawa belia kita terutamanya mereka yang termasuk dalam golongan umur 20 hingga 29 tahun yang mudah diancam oleh masalah dadah, boleh memenuhi masa lapang mereka dengan lebih berguna menerusi penglibatan dalam kegiatan-kegiatan sukan yang sihat. Bagaimanapun dalam kebanyakan negeri dan daerah di negara kita, saya mendapati kekurangan padang permainan untuk berbagai jenis permainan serta kemudahan sukan dan akibat kekurangan kemudahan seumpama itu di kebanyakan negeri belia terpaksa menghabiskan masa lapang mereka dalam kegiatan yang tidak sihat seperti penagihan dadah. Jawapannya terletak dalam peruntukan yang lebih banyak untuk padang permainan dan kemudahan sukan di setiap negeri, bandar dan daerah supaya belia kita boleh menggunakan masa lapang mereka dalam kegiatan sukan atau permainan.

Saya suka mencadangkan di sini bahawa Jabatan Perdana Menteri hendaklah mengeluarkan satu arahan kepada semua Kerajaan Negeri dan pihak Berkuasa Tempatan supaya menukarkan tanah-tanah lapang, tanah-tanah terbiar yang tidak berguna menjadi padang-padang permainan dan menyediakan kemudahan sukan supaya belia boleh bersukan dan bermain daripada menjadi mangsa penyalahgunaan dadah ini. Kemudahan yang serupa hendaklah juga disediakan dalam semua skim perumahan yang dibina oleh sektor swasta.

Mengenai perkara pencegahan dadah, saya juga ingin mendapat pengesahan sama ada Kerajaan sedang dalam proses menggubal undang-undang bagi memperuntukkan perampasan harta benda kepunyaan pengedar-pengedar dadah. Jika Kerajaan bercadang memperkenalkan satu bentuk undang-undang seperti ini, maka saya suka mencadangkan di sini bahawa perkara ini mestilah dikaji dengan mendalam dan tidak tergesa-gesa dan orang ramai hendaklah dipanggil berunding sepenuhnya sebelum cadangan deraf undang-undang hendak dibentangkan ke Parlimen.

Perkara yang lain, yang saya ingin menyentuh di sini ialah yang terkandung dalam mukasurat 37, Maksud Pembangunan 7 di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu mengenai Butiran 20, Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Bhd. (HICOM).

Mengenai HICOM saya mendapati bahawa dalam laporan terbaharu HICOM ataupun Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia bagi tahun kewangan berakhir 31hb Mac, 1985 ada menyebut bahawa HICOM telah mengalami kemerosotan hasil sebanyak \$17,775 juta sebelum cukai

kerana 3 buah anak syarikatnya yang sedang berada di peringkat pra operasi mengalami.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat \$17,000 juta atau \$17 juta?

Tuan Lee Lam Thye: \$17,000 juta.

Tuan Pengerusi: \$17,000 juta?

Tuan Lee Lam Thye: Maafkan \$17,775,000.

Tuan Pengerusi: \$17,000 juta—tersilap?

Tuan Lee Lam Thye: Saya hendak cek dahulu. Maafkan saya, Tuan Pengerusi, apa yang saya.

Tuan Pengerusi: Saya rasa \$17 million, bukan 17 billion.

Tuan Lee Lam Thye: \$17.7 juta kerana 3 buah anak syarikatnya yang sedang berada pra operasi mengalami kerumitan iaitu Kedah Simen rugi sebanyak \$4.5 juta, PERWAJA Terengganu rugi sebanyak \$4.5 juta dan PROTON rugi sebanyak \$10.4 juta dan keuntungan tahun ini jauh lebih merosot dari tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, HICOM didapati telah menaikkan modal pembayarannya dari \$273.6 juta ke \$313.11 juta bagi menambah jumlah ekuiti dalam PERWAJA, PROTON, HICOM, HONDA, EON dan sebagainya. Di samping itu ia sedang giat mengkaji berbagai projek industri berat seperti Kompleks Kejuruteraan, Kilang Aluminium Diecasting, dengan izin, Kilang Palpa dan Kertas dan berbagai-bagai lagi.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengingatkan pihak HICOM, memandangkan bahawa ada peruntukan \$8.2 juta yang akan diperuntukkan bahawa adalah perlu bagi saya meningkatkan pihak HICOM dan Kerajaan tentang beberapa

syarikat besar yang ditubuhkan dalam tempoh 10 tahun lalu yang mana telah ditutup kerana berbagai sebab, contohnya Syarikat Gula Negeri Sembilan dan anak-anak syarikat di bawah Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri yang mana berjuta-juta ringgit terlebur begitu sahaja dan tidak dapat dikutip balik, sekarang pihak HICOM pula ingin menjalankan projek yang besar. Maka saya ingin mengingatkan supaya pihak HICOM sentiasa berhati-hati dan hanya memilih atau mengutamakan yang benar-benar viable dan menguntungkan, jangan pula kita terlalu ghairah untuk berbuat bermacam projek, tetapi akhirnya akan menemui jalan buntu.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, suka saya menyentuh sedikit mengenai Maksud Bekalan B. 13 terkandung dalam mukasurat 50 di bawah Kementerian Kehakiman dan saya ingin membahaskan sedikit mengenai Butiran No. 5, Perkhidmatan Bantuan Guaman.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): On a point of order, Tuan Pengerusi. Kalau tak salah saya, baru Jabatan Perdana Menteri yang sedang dibahas.

Tuan Pengerusi: Ya, benar, Yang Berhormat.

Datuk Dr James P. Ongkili: Kehakiman belum lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, Kementerian Kehakiman belum lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Sekiranya benar, saya akan tarik balik apa yang saya menyentuh tadi di sini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

6.01 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, muka 27, Maksud B. 3, Jabatan Audit.

Tuan Pengerusi: Saya pun tertidur juga kadang-kadang. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Kursus luar negeri menjangka kenaikan dalam bilangan kakitangan yang akan dihantar untuk Jabatan Audit bagi kursus di luar negeri daripada 10 bagi tahun 1985 kepada 30 orang.

Tuan Pengerusi, soalan-soalan yang timbul adalah:

Pertama ke manakah mereka akan dihantar?

Kedua, siapa yang akan dihantar?

Ketiga, jumlah wang yang akan dibelanjakan untuk maksud ini?

Keempat, faedah-faedah yang dijangka akan berhasil daripada kursus-kursus ini yang tidak dapat diperolehi daripada kursus-kursus dalam negeri, termasuk kursus-kursus di INTAN.

Setakat manakah boleh Yang Berhormat Menteri menerangkan kursus luar negeri ini tidak dapat diperolehi di negara ini, terutamanya semasa negara ini menjalankan kempen jimat cermat. Saya pun ada dengar Yang Berhormat dari Kemaman yang menyentuh Jabatan Audit yang mengatakan tidak cukup kakitangan di dalam Jabatan Audit ini yang mana sekarang ini ada 1,492 orang sahaja untuk mengaudit semua penyata-penyata kewangan dan aktiviti-aktiviti kewangan negara ini. Adalah perlu bagi Kerajaan untuk mengkaji semula sama ada bilangan kakitangan yang ada sekarang ini cukup ataupun tidak ataupun daya

pengeluaran mereka bolehkah ditingkatkan lagi kerana di dalam Dewan yang mulia ini laporan-laporan audit yang dibentangkan sekarang kadangkala 4, 5 tahun lewat. Misalnya, Laporan Audit bagi Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1981, hanya dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini pada tahun ini sahaja, jadi lewat 4, 5 tahun.

Saya hendak bertanya mengapa Laporan Audit bagi tahun 1983 tidak dapat dibentangkan kerana ini pun sudah 2 tahun lewat dan sebab itulah saya menyeru supaya pihak Kementerian dapat mengkaji semula faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan laporan-laporan audit ini, sama ada faktor-faktor kelewatan ini berpunca daripada kekurangan kecekapan setengah-setengah orang menghantarkan penyata-penyata kewangan kepada Jabatan Audit ataupun kelewatan itu berpunca daripada kekurangan daya pengeluaran di dalam Jabatan Audit ataupun di dalam percetakan untuk laporannya untuk dikemukakan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi diluluskan.

Inilah saya berharap pihak Kementerian dapat meneliti apa yang saya sebutkan tadi sungguhpun saya hendak mengucapkan syabas kepada Ketua Audit Negara yang setakat ini menjalankan tugas dengan begitu baik sehingga taraf pengauditan negara ini telah meningkat. Walau bagaimanapun, dengan kelemahan-kelemahan yang wujud yang saya sebutkan tadi mungkin ukuran (standard) ataupun kualiti ini dapat ditingkatkan lagi pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 7, muka 33, mengenai Lembaga Penasihat Perdana Menteri. Di dalam Laporan Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1986, Restriction Order di bawah kes ISA Kemunting

dijangka akan bertambah daripada 606 kepada 1,000, iaitu satu pertambahan sebanyak 65%; manakala di bawah kes Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance, bilangan ini dijangka akan bertambah sebanyak 74.2%, iaitu daripada 155 kepada 270 di Muar, sebanyak 38.1% di Batu Gajah, iaitu dari 189 kepada 450 dan sebanyak 59% di Pulau Pinang dari 628 kepada 1,000. Persoalan yang timbul di sini ialah adakah keadaan keselamatan di tempat-tempat ini begitu mencemaskan sehingga pihak Lembaga memandangnya perlu untuk mengadakan pertambahan dalam, dengan izin, Restriction Order yang sebegitu besar. Apakah faktor-faktor penentu yang telah digunakan untuk membuat jangkaan tersebut. Adakah kes-kes tersebut sebenarnya memerlukan penggunaan Akta ISA serta Darurat sehingga Akta-akta Jenayah yang lain tidak lagi boleh digunakan di sini. Butir-butir ini seharusnya dikemukakan untuk penganalisaan para Ahli Dewan yang mulia ini untuk meyakinkan bahawa kedua-dua Akta tersebut tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya, terutama sekali apabila ianya membabitkan hukuman yang berat dan bergantung kepada pertimbangan pihak Menteri yang berkenaan untuk bertindak sesuka hatinya.

Tuan Pengerusi, muka 33, Maksud B. 7, Butiran 1.8, Biro Tata-negara. Di antara tujuannya bagi Biro ini adalah untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia dengan memberi keutamaan kepada golongan-golongan pelajar, cendekiawan dan pemimpin-pemimpin masyarakat. Kejayaan aktiviti ini tidaklah boleh dianalisis dengan hanya berpandu kepada jumlah kursus dan latihan serta peserta yang menghadiri kursus-kursus ini. Jika kita mempertimbangkan kes-kes aliran keluar cendekiawan serta

ketidakpuasan para kakitangan universiti-universiti tempatan, seperti Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia di samping laporan-laporan gerakan di bawah tanah pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri dan polarisasi kaum di kalangan pelajar sekolah-sekolah, universiti-universiti tempatan dan di luar negeri, maka kita boleh katakan bahawa aktiviti Biro ini bukan sahaja tidak berkesan tetapi juga tidak dapat mengesan dengan awalnya masalah-masalah ketidakpuasan di kalangan kumpulan yang mana usahanya telah disasarkan.

Tuan Pengerusi, ini tidak keluar daripada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Terpujanglah bagaimana Yang Berhormat mengolahkan ucapan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya berharap untuk tujuan dan sasaran Biro ini satu pengkajian semula diadakan untuk masalah-masalah akademi di dalam semua universiti tempatan termasuk Universiti Sains Malaysia kerana pada tempoh hari para kakitangan akademi ini telah membuat sungutan dan rungutan yang menjadikan pihak rakyat sangat kecewa.

Misalnya ada dakwaan bahawa struktur untuk kakitangan akademi yang terdapat sekarang adalah tidak sesuai, adalah tidak sejajar dengan zaman yang moden.

Tuan Pengerusi: Sekarang Yang Berhormat beransur-ansur kepada Kementerian Pelajaran, bukan Biro Tatanegara.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak, ini satu tujuan keutamaan bironya.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Satu tujuan dan salah satu faktor kerana masalah di kalangan ahli akademi ini ialah

kriteria yang digunakan untuk kenaikan pangkat. Kadangkala mereka.

Tuan Pengerusi: Sekarang bukan lagi beransur-ansur, jelas mengarah ke Kementerian Pelajaran.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, cuma di dalam bidang tujuan dan sasaran biro ini sahajalah.

Tuan Hussein bin Mahmood: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tatatertib 36 (1), kalau hendak dikaitkan dengan segala perkara dengan Biro Tatanegara pun boleh. Rasa saya, Tuan Pengerusi, elok sangat kita bagi bahagian yang hak itu kepada Kementerian yang berhak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Saya hendak merujuk kepada muka surat 307 dalam buku ini kepada Yang Berhormat yang membangkitkan soalan tadi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Saya pun tak tahu tentang perkataan-perkataan yang akan saya gunakan selain daripada perkataan "loyar buruk". Tadi bila kita baca mengenai objektif-objektif sesuatu Biro yang telah ditubuhkan kalau ada sahaja perkataan pelajaran dalam, antara objektif-objektif itu bukan bermakna kita boleh membawanya dalam perbahasan yang seharusnya tertumpu kepada Biro Tatanegara dan maksud-maksud dan dasar-dasar yang berkaitan dengannya, walaupun ada satu perkataan 'pelajaran' ataupun 'universiti' ataupun 'struktur gaji' ataupun 'pemimpin masyarakat'. Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sebagai Tuan Speaker, saya tidak dapat membantahlah. Walau bagaimanapun.

Tuan Pengerusi: Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat sila duduk sebentar—adakah Yang Berhormat fikir skim gaji perkhidmatan tenaga pengajar di Universiti Sains Malaysia adalah benar-benar urusan Biro Tatanegara?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tujuan dan aktiviti Biro Tatanegara ini untuk memberi keutamaan kepada golongan cendekiawan dan penyelidikan diwujudkan dan diadakan untuk mengetuai rancangan dan latihan dan penyelidikan kemasyarakatan dan ini satu gejala kemasyarakatan para cendekiawan. Dan saya akan tamatlah mengenai perbahasan cendekiawan ini, cuma menekankan bahawa satu penyelidikan diadakan ke atas semua masalah yang dihadapi oleh para cendekiawan ini.

Tuan Pengerusi: Itu tepat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Maksud B. 7, muka surat 34, Butiran 2, Program, Unit Perancangan Ekonomi, Aktiviti Pembahagian, tujuannya adalah untuk mengkaji kesan rancangan-rancangan ekonomi di dalam strategi membasmi kemiskinan melalui agihan pendapatan serta strategi mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat di kalangan kaum di Malaysia.

Seperti yang dikatakan tadi jumlah ceramah tidak dapat menentukan kejayaan aktiviti tersebut. Yang harus dilaporkan adalah hasil daripada ceramah-ceramah tersebut. Di samping ini, pihak Kerajaan juga harus memberikan garis kemiskinan yang telah digunakan sebagai ukuran standard dan kadar kemiskinan yang sebenarnya di dalam ekonomi supaya

dapat mengkaji kesan rancangan-rancangan ekonomi di dalam strateginya.

Maksud B. 7, muka surat 34, Butiran 3, Program, Unit Penyelarasan Pelaksanaan yang mana diminta lebih daripada \$173 juta yang hampir \$8.6 juta lebih daripada peruntukan yang diberi pada tahun 1985.

Tuan Yang Pengerusi, bilangan jawatan bagi Unit ini dijangka akan dikurangkan sebanyak 27 buah jawatan dalam tahun 1986, akan tetapi emolumentnya tetap naik—ini satu “anah bin hairan”. Bilangan jawatan dikurangkan tetapi emolument itu naik. Jadi, jika diandaikan bahawa bilangan kakitangan adalah tidak berubah dan diambil kira peningkatan gaji sebanyak 6.1% seperti yang dilaporkan di dalam Laporan Ekonomi 1985/86, maka emolument seharusnya dinaikkan kepada lebih kurang \$11,609,249 tetapi yang dicatatkan adalah \$12,189,000 iaitu pertambahan sebanyak \$579,751. Apakah sebabnya bagi perbezaan ini. Jadi, 6.1% kenaikan gaji ini untuk kategori ‘C’ dan ‘D’ sahaja, bukan termasuk kategori ‘A’ dan ‘B’. Jadi hitungan saya lebih konservatif dan satu soalan yang besar, saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri dapat menjawab dengan tepat. Tuan Speaker, Pusat Penyelaras Khidmat Kontraktor-kontraktor.

Datuk Dr James P. Ongkili: *(Bangun).*

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Pengerusi, saya berdiri di atas Peraturan Mesyuarat 7 (4). Di peringkat Jawatankuasa bukan Tuan Speaker, tetapi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Saya akan memutuskan kerana Peraturan Mesyuarat dibangkitkan. Saya pun banyak kali mendengar Tuan Speaker. Saya bukanlah kerana sedap mendengar Yang Berhormat panggil saya Tuan Speaker, tetapi saya telah banyak kali ganggu Yang Berhormat bercakap, tetapi saya tidak mahulah ganggu Yang Berhormat, tetapi terlalu banyak kali sehingga Yang Berhormat Menteri Kehakiman membangkitkan, saya harap Yang Berhormat ingat bahawa kita di peringkat Jawatankuasa. Dan saya disebutkan sebagai Tuan Pengerusi. Silakan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak minta maaf, jadi kesalahan lidah bukan kesalahan di dalam otak *(Ketawa)*.

Tuan Alias bin Md. Ali: *(Bangun).*

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Minta jalan.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu dengan membuat kenyataan demikian bahawa otaknya tidak boleh control lidahnya?*(Ketawa)*.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya izinkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, gading yang mana yang tidak retak, kadangkala bumi di manalah yang tidak ditimpa hujan. Itulah kita semua ini manusia bukan Tuhan.

Tuan Pengerusi: Kesimpulannya otak boleh control lidah *(Ketawa)*.

Dr Tan Seng Giaw: Memang boleh, tidak seperti Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, kadangkala itu perkataan-perkataan biadap itu keluar juga.

Tuan Alias bin Md. Ali: Minta jalan.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Setakat yang saya ingat, tidak pernah saya kena tegur kerana perkataan biadap sejak saya jadi Ahli Parlimen sejak tahun 1978.

Tuan Pengerusi: Memang benar.

Tuan Alias bin Md. Ali: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang baru masuk dalam Dewan ini tahun 1982.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang dengan orang veteran ini banyak cakap mengenai pengenalan tetapi bukan mengenai kebenaran. Ada juga kadangkala dia sebut iktibar dan sebagainya ada baik juga, tetapi kadangkala perkataan itu tidak sesuai dan tidak wajar.

Tuan Pengerusi, Pusat Penyelarasan Khidmat Kontraktor Bumiputera juga harus mengkaji semula tugasnya meneruskan usaha-usaha memberi khidmat nasihat, menguruskan hal ehwal pendaftaran pusat semua kontraktor kerja serta memberi pengiktirafan bumiputera dan pusat rujukan perihal kontraktor kerja. Ini disebabkan baru-baru ini pihak kontraktor bumiputera telah mengadu bahawa mereka menghadapi persaingan yang hebat daripada kontraktor asing. Contohnya, pada tahun yang lepas 10,000 syarikat pembinaan tempatan terpaksa bersaing untuk mendapatkan kira-kira 724 buah projek yang bernilai \$666 juta manakala projek-projek bernilai lebih kurang \$4 billion diusahakan secara haram oleh kontraktor asing.

Tuan Pengerusi, unit ini juga mengenakan bayaran \$5,000 ke atas kontraktor tempatan yang mendaftarkan diri sementara kontraktor asing tidak perlu untuk berbuat demikian. Apakah bentuk pengiktirafan yang telah diberi oleh unit ini kepada para kontraktor bumiputera dan juga kontraktor tempatan yang lain jika ianya mendiskriminasikan di antara kontraktor tempatan dengan kontraktor asing.

Tuan Pengerusi, Aktiviti Susun Semula Masyarakat. Butiran bilangan pelabur ASN dijangka akan turun pada tahun hadapan dari 244,936 orang kepada 20,000 orang. Apakah sebab musabab bagi jangkaan ini. Di antara bilangan besar kakitangan Kategori C dan D yang dilatih, apakah bilangan mereka yang berjaya menaiki pangkat selepas dilatih bagi usahawan yang telah dilatih, apakah definisi kejayaan yang digunakan sebagai ukuran standard dan berasaskan ukuran ini apakah bilangan mereka yang bolehlah dikatakan telah berjaya.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 7, Butiran 14 program khidmat bimbingan Pernas-Edar. Diberi bilangan peniaga yang berjaya bagi rancangan-rancangan mini market, kedai ala mini market dan kedai contoh. Yang ingin diketahui oleh saya adalah definisi yang berjaya yang telah digunakan di sini. Bilangan mereka yang tidak berjaya serta jumlah yang telah disumbangkan oleh pihak Pernas-Edar dalam projek-projek ini. Hanya dengan adanya maklumat-maklumat ini barulah dapat kita membuat satu analisa yang menyeluruh serta lebih tepat mengenai darjat pencapaian Pernas-Edar di dalam usahanya untuk mewujudkan satu, dengan izin, Tuan Pengerusi, force membeli dan menjual lagi sektor perniagaan runcit di kalangan peniaga-peniaga bumiputera.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 7, Butiran 15, muka surat 35. Butiran Projek Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad. Maklumat anggaran yang dipinta di dalam tahun 1985 tidak diberikan untuk saham, pinjaman serta Akademi Laut Malaysia. Jadi saya hendak mengetahui mengapa maklumat ini tidak diberikan, cuma hendak minta wang sahaja tetapi tujuan dan matlamat mengenai saham, pinjaman tidak diberikan. Itu satu kesalahan.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 11, muka surat 45—Badan Pencegah Rasuah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pukul 2.30 petang esok, 14hb November, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.